



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.02 | SUBUH 5.12 | SYURUK 6.29 | DUHA 6.52 | ZUHUR 12.32 | ASAR 3.46 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.42

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 29

8 MAC 2025 / 1446 رمضان 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

MANISNYA IMAN
"AMBILLAH sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka. Dan doakanlah mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi sebab ketenteraman jiwa mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 103.

YSHHB ADAKAN MAJLIS BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Bersempena bulan Ramadan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir YSHHB bertempat

di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Berangkat pada majlis berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

>> Muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.



Pelaksanaan Projek Digital Identity diperkenankan

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pelaksanaan salah satu projek *flagship* di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 iaitu Projek Digital Identity akan dikenali sebagai Brunei Identity Digital, ringkasnya Brunei ID.

Antara hasrat utamanya adalah bagi penyediaan satu digital *credential* untuk mengesahkan identiti individu apabila membuat transaksi atau urus niaga secara digital atau dalam talian dengan cekap, mudah dan selamat.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa menyampaikan perbahasan secara keseluruhan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tahunan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 semasa persidangan hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis



Majlis Berbuka Puasa eratkan silaturahim

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

JERUDONG, Khamis, 6 Mac. - Bagi meraih keberkatan dan seterusnya mengeratkan silaturahim di bulan suci Ramadan, Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Berbuka Puasa yang berlangsung di Berkshire Hall, Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

Majlis Berbuka Puasa berkenaan dihoskan oleh Duta Besar Istiema dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi Ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al-Buraithin. Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 4

Negara sahut cabaran aspirasi net-zero menjelang 2050

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Inisiatif projek hijau memang sudah ada pelan bersepada (*integrated plan*) yang dikenali sebagai Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Climate Change Policy – BNCCP) iaitu dengan mengambil pendekatan Whole of Government dalam menangani perubahan iklim, BNCCP telah diperkenalkan sejak tahun 2020 dan pada tahun 2023, negara telah berjaya mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau ataupun Green House Gas sebanyak 15 peratus berbanding tahap Business-as-Usual melalui pelaksanaan strategi-strategi di bawah BNCCP.

BNCCP ini juga adalah selaras dengan usaha negara dalam membangunkan hala tuju yang lebih jelas bagi menyahut cabaran aspirasi net-zero menjelang tahun 2050.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun

1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, berkaitan dengan perancangan untuk menerbitkan pelan induk (*master plan*) yang menyelaras inisiatif projek hijau seperti *renewable energy*, *electric cars* dan *waste to energy* yang pada masa ini diselia oleh kementerian berlainan untuk diintegrasikan kepada satu pelan, bagi mengukur faedah ekonomi, serta membangunkan teknologi dan kemahiran baharu bagi memastikan ketersediaan rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

>> Muka 10



Berita Utama



MAJLIS Bertadarus, Tahlil anjuran Kementerian Kesihatan

Muka 17



LEBIH 3,000 anak yatim terima sumbangan derma

Muka 19



TADARUS Al-Quran JPM buka tirai

Muka 24



RENCANA

ELAK pembaziran makanan semasa bulan puasa

Muka 28

Pastikan tahap keselamatan sektor pengangkutan, alam siber terjamin dan selamat

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin
Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyafiril
Anbiya'e Wal Mursalin Saidina
Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi
Ajma'in,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Selamat Pagi.

ALHAMDULILLAH, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'alai kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita semua dapat berkumpul di Sesi Perjumpaan Muhibah pada pagi ini.

Peramba / kaola / saya, mewakili seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), amat berbesar hati untuk mengalu-alukan keberangkatan dan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke kementerian ini.

Sebelum memulakan sesi perbincangan, izinkan peramba / kaola / saya merujuk kepada Sesi Dialog yang telah diungkayahkan pada 4 September 2024 dan juga isu-isu yang telah berbangkit semasa Sesi Perjumpaan Muhibah dan MMN pada tahun lepas yang mana jawapan-jawapan balas telah dikemasinikan dan seterusnya dikongsikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada 2 Oktober 2024. Dalam perkara ini, peramba / kaola / saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas cadangan-cadangan serta pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk terus menyokong visi kementerian ini dan juga membantu dalam merancang hala tuju ke hadapan yang

lebih jelas khususnya Pelan Strategik kementerian yang baharu bagi tahun 2026 hingga 2030.

Sebagai panduan dan rujukan, pihak kementerian juga menyediakan bahan-bahan maklumat iaitu 'Information Pack' bagi mengongsikan status perkembangan mengenai isu-isu utama jabatan dan pihak berkuasa di bawah MTIC termasuk status perlaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara serta Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Pelan Strategik MTIC 2025 Refresh.

Sesi Perjumpaan Muhibah pada kali ini akan memberikan tumpuan dan memberikan lebih masa kepada peluang untuk mencambahkan lagi idea-idea bernes, bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu semasa berkaitan sektor pengangkutan dan infokomunikasi. Dengan itu, izinkan peramba / kaola / saya terlebih dahulu juga mengongsikan status dan kemajuan di dalam perlaksanaan strategi serta perancangan kementerian ini yang berlandaskan kepada tiga aspek utama iaitu:

1. Keselamatan dan Sekuriti (Safety & Security)
2. Kecemerlangan Perkhidmatan (Service Excellence)
3. Pertumbuhan dan Perkembangan (Growth & Development)

Keselamatan dan Sekuriti

Bermula dengan keselamatan dan sekuriti, seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, antara peranan utama dan menjadi tanggungjawab kementerian ini adalah untuk memastikan tahap keselamatan sektor pengangkutan

dan juga alam siber di negara ini adalah terjamin dan selamat. Ini sememangnya adalah selaras dengan Strategik Objektif 3 di bawah Pelan Strategik 2025 Kementerian iaitu 'Piawaian Keselamatan dan Sekuriti dalam Sektor-Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi' bagi meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, teratur dan selamat serta memanfaatkan penggunaan teknologi dengan sebaiknya.

Dari sektor pengangkutan, usaha-usaha dan juga inisiatif-inisiatif telah dilaksanakan oleh Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) bagi terus memastikan keselamatan di jalan raya adalah terjamin. Salah satu usaha utama adalah pelaksanaan Brunei International Road Audit Assessment (BruRAP2).

Projek BruRAP2 ini merupakan inisiatif di bawah Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Brunei Darussalam 2025 yang dilaksanakan melalui Kumpulan Tindakan Teknikal dan Infrastruktur (KTTI) atas pembiayaan di bawah peruntukan MKKJR. Projek tersebut dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di bawah Kementerian Pembangunan dengan kerjasama pakar perunding yang telah bermula pada 26 Oktober 2023 dan selesai dilaksanakan pada 27 Jun 2024. Ia telah membuat penilaian infrastruktur jalan, penilaian keselamatan, serta membuat cadangan mengenai langkah-langkah untuk mengurangkan kecederaan dan kematian akibat kemalangan jalan raya.

Secara ringkas, hasil laporan daripada BruRAP2 tahun 2024 berkenaan telah mendapat banyak peningkatan dalam tahap keselamatan jalan raya di negara ini berbanding dengan BruRAP yang telah di



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berucap pada Sesi Perjumpaan Muhibah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2025, pada Khamis, 13 Februari 2025 di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BAHAGIAN 1

jalankan pada tahun 2015 iaitu:

- Peningkatan daripada aspek rangkaian jalan raya (*road network*) yang mana sebanyak 76 peratus mendapat taraf tiga bintang atau lebih berbanding daripada 46 peratus pada tahun 2015;

>> Muka 25

SIDANG PENGARANG

8 MAC 2025

Bersederhana apabila membeli, memilih juadah berbuka

SETIAP tahun apabila bulan Ramadan menjelang akan banyak dilihat peniaga-peniaga makanan dan restoran menawarkan promosi makanan khusus untuk berbuka. Begitu juga dengan Gerai-gerai Ramadan, para penjaja akan mula sibuk dengan aktiviti-aktiviti menjual pelbagai jenis makanan. Adalah menjadi satu kemudahan untuk orang ramai yang mungkin sibuk atau ingin menyediakan juadah berbuka dengan membeli akan tetapi kadang-kadang dapat dilihat terjadinya pembaziran daripada kedua-dua belah pihak, iaitu apabila penjual menyediakan terlalu banyak makanan dan tidak semuanya terjual dan apabila pembeli juga memilih dan membeli terlalu banyak sehingga tidak termakan. Di sinilah terjadinya pembaziran yang bertentangan dengan nilai-nilai kesederhanaan dan belas kasihan yang perlu dihayati di bulan Ramadan.

Allah Subhanahu Wata'alai tidak menyukai orang-orang yang membazir dan berlebih-lebihan seperti dalam Firman-Nya dalam Surah Al-An'am ayat 141, "...dan janganlah kamu berlebih-lebihan, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan". Allah Subhanahu Wata'alai juga berfirman dalam Surah Al-Isra' ayat 27, "Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu". Apa yang perlu diketahui juga kesan pembaziran terhadap alam sekitar juga signifikan kerana sisa makanan berlebihan dan bahan-bahan yang digunakan untuk membungkus makanan yang selalunya diperbuat daripada plastik membawa kepada pencemaran.

Kita perlu sedar akan keburukan yang datang dari pembaziran. Oleh itu, apabila hendak membeli makanan atau mengajak keluarga keluar makanan ke restoran untuk berbuka, ada baiknya untuk sama-sama ingat mengingati untuk membeli atau mengambil makan secukupnya dan tidak lebih. Untuk penjual makanan dan restoran pula, apa yang boleh dilakukan ialah untuk mengelak pembaziran makanan tidak terjual adalah untuk membuat analisa penjualan untuk mengetahui kira-kira berapa banyak makanan akan terjual dalam sehari dan jenis makanan apa yang selalunya laku dan menjadi pilihan pembeli dan jika tetap juga ada lebih makanan yang tidak terjual, penjual-penjual mungkin boleh dengan menawarkan diskon pada barang makanan menjelang akhir hari.

Dengan memberikan insentif kepada pelanggan untuk membeli makanan yang tidak terjual, penjual boleh mengelakkan barang-barang ini daripada dibuang. Pendekatan ini memberi manfaat kepada kedua-dua penjual, yang menghabiskan stok mereka, dan pelanggan, yang menikmati penjimatkan pada pembelian mereka. Ia juga menggalakkan pengguna untuk membeli apa yang ada, mengubah tingkah laku dan mengurangkan pembaziran. Pada peringkat individu, pengguna memainkan peranan penting dalam meminimumkan pembaziran. Tabiat-tabiat sederhana seperti merancang hidangan, membeli hanya apa yang diperlukan, mengambil bahagian kecil di bufet dan menyimpan lebihan makanan dengan betul boleh mengurangkan pembaziran makanan dengan ketara. - Ketua Penyuntingan (Nr)

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	SABTU	7	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
9	AHAD	8	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	ISNIN	9	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42
11	SELASA	10	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.44	6.32	7.41
12	RABU	11	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	KHAMIS	12	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	JUMAAT	13	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.41	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 24 °C 	32 25 °C 	32 25 °C
Pekan Bangar		
31 24 °C 	32 24 °C 	32 24 °C
Pekan Tutong		
31 24 °C 	32 24 °C 	32 24 °C
Kuala Belait		
31 24 °C 	32 25 °C 	32 25 °C
Wallauhala Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

YSHHB adakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Hadir menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB.

Bacaan Yaa Siin dan Tahleel diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim; pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB, Ahli-ahli Alumni Sultan's Scholar YSSHB, pelajar-pelajar Sekolah

Menengah YSHHB; sukarelawan YSHHB serta penduduk Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.


Majlis adalah salah satu daripada aktiviti tahunan YSHHB di bulan Ramadan yang mulia ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke atas makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (atas kanan, atas dan kanan).



MAJLIS DOA KESYUKURAN RAIKAN SAMBUTAN HARI AL-AZHAR AL-SYARIF SEDUNIA



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

MENTIRI, Khamis, 6 Mac. - Bersempena Hari Al-Azhar Al-Syarif Sedunia yang diraikan pada 7 Ramadan setiap tahun, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam petang tadi menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Masjid An-Na'im, Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau.

Universiti Al-Azhar telah ditubuhkan 1083 tahun yang lalu dan telah berjaya melahirkan para ilmuwan, tokoh dan sarjana Islam terbilang di merata tempat termasuk negara kita Brunei Darussalam.

Mereka ini menjadi rujukan umat Islam dan telah membawa ajaran Islam masuk ke seluruh pelosok rantau dunia.

Tidak ketinggalan di rantau ini nama Al-Azhar sangat dekat di hati

masyarakat lebih-lebih lagi di negara Islam seperti negara kita.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengurus Lembaga Penasihat Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan Kalam Azhari iaitu sesi ceramah ringkas yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Awang Muhammad Tsuufiy bin Haji Abdul Wahab.

Majlis Sambutan Hari Al-Azhar Sedunia pada tahun ini turut

menyantuni anak-anak yatim yang terdiri daripada kalangan alumni Al-Azhar sendiri dan penduduk Kampung Panchor Mengkubau dengan penyerahan derma yang diserahkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan seterusnya diikuti dengan penyerahan wakaf warga Rabitah berupa kerusi lantai khusus untuk Masjid An-Na'im.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan Sesi Tadarus Al-Quran yang diketuai oleh Ra'es Rabitah, Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof diikuti dengan bacaan tahlil dan doa diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Awang Muhammad Saifullah bin Rosli.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan yang dipimpin oleh Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin, dan acara

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengurus Lembaga Penasihat Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran (atas dan kiri).

seterusnya ditutup dengan iftar bersama diikuti dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Doa Kesyukuran antara lainnya bertujuan untuk menzhirkir rasa syukur atas pencapaian Universiti Al-Azhar yang signifikan terhadap umat Islam sejak penubuhannya pada Tahun 361 Hijrah / 971 Masihi dan mengenang jasa para ilmuwan yang telah banyak menyumbang bakti kepada kemajuan negara sehingga identiti Islam itu semakin berkembang dengan mekar dan jayanya.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyatupadukan bekas-bekas pelajar universiti berkenaan di Negara Brunei Darussalam dan mengukuhkan silaturahim dan jalinan kerjasama dalam kalangan Ahli-ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Naib Ra'es I Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal; ahli-ahli kehormat, Jawatankuasa Eksekutif dan Ahli-ahli Rabitah serta para jemputan khas.

Darussalam.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Madin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Naib Ra'es I Rabitah

Majlis Berbuka Puasa eratkan silaturahim

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet hadir pada Majlis Berbuka Puasa yang berlangsung di Berkshire Hall, Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong (kanan). Manakala gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

>> Muka 1
Juga hadir ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda

bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang



Mohamad.

Turut hadir ialah Duta-duta Besar, pegawai-pegawai kanan kerajaan NBD dan jemputan-jemputan khas.

Majlis didahului dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, diikuti dengan berbuka puasa dan menuaikan Sembahyang Fardu

Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Madin, sebelum menikmati jamuan.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan ramah mesra bersama jemputan yang hadir.

Majlis seumpama berkenaan dihasilkan dapat mempertingkatkan lagi keakraban hubungan yang sedia terjalin dan secara tidak langsung memudahkan interaksi secara tidak formal mengenai isu semasa termasuk kebudayaan, sosial dan sebagainya.

MESUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESUARATAN KE-21 MAJLIS MESUARAT NEGARA



PROJEK MITIGASI BANJIR GIAT DILAKSANAKAN DI BEBERAPA KAWASAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Pada persidangan hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid turut mengongsikan bidang utama infrastruktur asas kedua iaitu mengenai saliran dan pembetungan.

Dalam ulasannya semasa Perbahasan Peringkat Dasar Rang Undang-undang (2025) Perbekalan, 2025/2026, Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkata, seiring dengan bekalan air, peningkatan sistem saliran dan projek mitigasi banjir turut menjadi fokus utama Kementerian Pembangunan.

Tambah Yang Berhormat, mereka sedar cabaran perubahan iklim yang menyebabkan kejadian banjir kilat lebih kerap seperti kejadian banjir yang melanda seluruh negara pada bulan Januari 2025 baru-baru ini.

Yang Berhormat mengongsikan, antara projek yang dilaksanakan adalah Projek Mitigasi Banjir di

mana beberapa kawasan yang dikenal pasti sering dilanda banjir kini dalam pelaksanaan projek mitigasi banjir.

Antara lain menurutnya, di Daerah Tutong, Skim Pencegahan Banjir Mukim Pekan Tutong dan Kampung Keriam telah dimulakan, merangkumi pembinaan sistem perparitan baharu, kolam takungan limpahan (*retention pond*) dan pintu kawalan air untuk mengawal paras Sungai Tutong semasa hujan lebat.

Sementara itu jelasnya, di Daerah Brunei dan Muara, Projek Pengurusan Banjir Kampung Pasai/Mulaut Fasa 1 sedang dalam peringkat reka bentuk, kerana kawasan Pasai dan Mulaut kerap banjir akibat limpahan Sungai Bunut.

Melalui projek ini katanya, parit-parit akan diperbesar dan satu kolam takungan banjir akan dibina bagi menahan air semasa hujan lebat sebelum dialirkan secara terkawal.

Di samping itu tambahnya, Projek Mitigasi Banjir Sungai Kedayan Fasa 6 di kawasan Kampung Pangkal Gadong sedang dilaksanakan untuk melengkapkan siri usaha mencegah banjir di sepanjang Sungai Kedayan.

Inisiatif ini ujarnya, merangkumi kerja mendalamkan sungai, membina benteng tebing sungai, dan memasang sistem amaran paras air demi memberi amaran awal kepada orang ramai sebelum banjir berlaku.

Turut dikongsikan Yang Berhormat ialah pembinaan kolam takungan dan dataran limpah, di mana kerajaan turut merancang pembinaan dataran limpah banjir (*flood plain*) dan kolam-kolam takungan di kawasan lain yang sering dilanda banjir.

Sebagai contoh jelasnya, kajian reka bentuk sedang dilaksanakan untuk mewujudkan dataran banjir di Daerah Temburong dan di sepanjang Sungai Belait, yang mana langkah ini bertujuan memberi ruang takungan semula jadi apabila hujan berlebihan, sekali gus melindungi kawasan penempatan di hilir sungai daripada banjir.

Seterusnya Yang Berhormat mengongsikan mengenai penaiktarafan Sistem Perparitan dan Pam, yang mana stesen-stesen pam air baharu sedang dirancang di samping penaiktarafan stesen-stesen pam yang sedia ada bagi mempercepat aliran keluar air di kawasan rendah.

Sebagai contoh katanya, stesen pam di Outfalls, Jalan Maulana, Kuala Belait dan Drainage Pump Station di F17, Seria adalah dalam

perancangan untuk dibuka tender pada bulan Ogos tahun ini.

Di samping itu jelasnya, Stesen Pam Jalan Jerambak (Berakas) kini dalam proses peningkatan kapasiti Fasa 3 untuk mengepam keluar air dalam kolam takungan dengan lebih efisien semasa hujan lebat, seterusnya mengurangkan risiko banjir di kawasan sekitarnya.

Selain itu, terangnya lagi, projek menaiktaraf sistem perparitan sedang giat dijalankan, termasuk kerja mendalamkan parit, melebarkan longkang, dan membina longkang konkrit bagi menggantikan longkang tanah di kawasan perumahan dan kampung.

Sebagai contoh menurutnya, Projek Pembaikan Saliran di Jerudong (Fasa 1) telah bermula untuk membesarkan longkang dan memperbaiki aliran air di kawasan tersebut. Begitu juga, longkang di kawasan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) sedang dinaik taraf di bawah RKN12.

"Melalui inisiatif-inisiatif ini, isu banjir dan saliran akan dapat ditangani dengan lebih berkesan. InsyaaAllah, rakyat akan kurang terjejas oleh musibah banjir, kerosakan harta benda dapat dikurangkan dan kemudahan infrastruktur asas



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

seperti jalan raya kurang terganggu. Keutamaan bajet kepada sektor air bersih dan saliran ini jelas kerana bekalan air yang berterusan dan persekitaran yang bebas banjir adalah prasyarat kepada kehidupan masyarakat yang sejahtera serta ekonomi yang mampan. Persekitaran yang selamat daripada bencana akan meningkatkan keyakinan pelaburan dan melindungi pelaburan sedia ada, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang," jelas Yang Berhormat lagi.

Penggunaan teknologi baru untuk pemeliharaan jalan raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Pembakaan jalan secara menambal lubang jalan *pothole patching* dilaksanakan sebagai langkah sementara dan yang cepat bagi membolehkan kerja-kerja pembakaan dapat dilaksanakan dan jalan yang dibaiki dapat dibuka semula dengan sesegeraya.

Dengan ini, gangguan laluan trafik adalah dapat dikawal dalam keadaan minimum serta memastikan keselamatan pengguna terjamin dengan pemberian lubang jalan yang dibuat dengan cepat.

Demikian yang dinyatakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis berhubung dengan kenyataan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas mengenai pembakaian jalan secara tampalan dan penurapan semula.

Walau bagaimanapun, menurut Yang Berhormat Menteri Pembangunan, bagi kerosakan jalan yang lebih serius atau jalan yang sudah mempunyai banyak tampalan, keadaan menurap semula keseluruhan permukaan jalan, *resurfacing* atau membaik

SUASANA hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

pulih sepenuhnya, *rehabilitation* adalah lebih berkesan untuk jangka masa panjang dan usaha ini adalah dalam jadual tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pembangunan.

Sehubungan itu tambahnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperuntukkan sebanyak BND29.5 juta melalui 18 projek bagi kerja-kerja penurapan dan membaik pulih jalan raya di seluruh negara melalui peruntukan Belanjawan Tahunan, Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Kemajuan Negara.

Antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan jelasnya, termasuk kerja menurap semula jalan di lebuh raya dan jalan utama sebagai contoh penurapan semula sedang dilaksanakan di Lebuh Raya Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Lebuh Raya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Lebuh Raya Tungku-Jerudong, Jalan Utama Berakas, Jalan Utama Mentiri dan beberapa jalan



utama yang lain.

Di samping langkah tersebut ujarnya, Kementerian Pembangunan juga sedang menguji penggunaan beberapa teknologi baharu dalam kerja pembakaian jalan raya iaitu bahan turapan inovatif dan sebagainya.

"Hasrat kita adalah bagi kerja-kerja pembakaian di masa depan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan *cost-effective*. Kaedah ini mula diuji cuba di Jalan Utama Mentiri pada masa ini,"

katanya.

Sebagai rumusan tambah Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tujuan menambah baik keselesaan dan keselamatan jalan raya di lebuh raya bagi para pengguna telah memperuntukkan sejumlah

BND29.5 juta melalui 18 terma kontrak bagi pemeliharaan jalan raya di seluruh negara.

Peruntukan ini juga termasuk BND3.8 juta bagi kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih jalan menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan negara jiran melalui Jalan Rasau.

Di samping itu jelasnya, Kementerian Pembangunan juga telah disediakan peruntukan berjumlah BND4.4 juta bagi kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan di sepanjang jalan raya dan lebuh raya di seluruh negara.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENINGKATAN INFRASTRUKTUR BAGI KELANCARAN, KESELAMATAN PERJALANAN DI SEMPADAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 6 Mac. - Pada
persidangan hari kelima
Mesyuarat Pertama dari Musim
Permesyuaratan Ke-21, Majlis

Mesyuarat Negara (MMN) yang
berlangsung di Dewan
Persidangan MMN, Bangunan
Dewan Majlis, di sini, Menteri
Pembangunan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji
Muhammad Juanda bin Haji
Abdul Rashid mengongsikan,
Kementerian Pembangunan
dalam usaha untuk menaik taraf
kualiti jalan raya di kawasan
sempadan dengan tujuan
mempermudah kedatangan
pelancong melalui jalan darat.

Yang Berhormat Menteri
Pembangunan berkata demikian
semasa mengulas soalan Ahli
MMN, Yang Berhormat Awang
Mohammad bin Abdullah@Lim
Swee Ann, Ketua Kampung
Bukit Sawat mengenai
peningkatan kualiti jalan di
kawasan sempadan.

Maka, bagi tujuan ini jelasnya,
peruntukan khusus telah
disediakan sebanyak BND3.8 juta bagi kerja-kerja
menaik taraf dan membaik
pulih rangkaian jalan raya yang
lebih selesa menghubungkan
Negara Brunei Darussalam
dengan negara jiran".

**YANG Berhormat Menteri
Pembangunan.**



Darussalam dengan negara jiran.
Sebagai contoh katanya,
persediaan projek penambahbaikan sedang dilaksanakan untuk jalan Rasau iaitu laluan menuju Pos Kawalan Sungai Tuoh, sempadan Brunei-Miri, untuk meningkatkan kelancaran dan keselamatan perjalanan di sempadan.

Peningkatan infrastruktur jalan di kawasan sempadan ini terangnya, dilaksanakan agar kemudahan jalan darat lebih selesa supaya lebih ramai susur masuk pelancong dan pengunjung luar untuk melancong

ke negara ini melalui perjalanan darat.

"Mudah-mudahan juga dengan pembinaan ini nanti, kita dapat melihat lebih ramai susur yang masuk ke negara ini daripada susur yang keluar," ujar Yang Berhormat lagi.

**"MAKA, bagi tujuan ini
jelasnya, peruntukan khusus
telah disediakan sebanyak
BND3.8 juta bagi kerja-kerja
menaik taraf dan membaik
pulih rangkaian jalan raya yang
lebih selesa menghubungkan
Negara Brunei Darussalam
dengan negara jiran".**

Memperkuuh usaha tangani isu buli, gangsterisme, penyalahgunaan dadah

**YANG Berhormat Menteri
Pendidikan.**



Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, mengenai isu-isu buli, gangsterisme dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar, pada persidangan hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Melalui Surat Pemberitahuan tersebut jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan, jika pelajar tersebut itu telah didapati melakukan kesalahan-kesalahan yang disebutkan tadi. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah - Sekolah tambahnya, akan menjalankan tindakan yang bersesuaian mengikut Standard Operating Procedure ataupun SOP yang sedia ada serta akan berkolaborasi bersama agensi yang berkenaan apabila diperlukan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pembangunan Masyarakat, JAPEM dan Biro Kawalan Narkotik.

Menurutnya, tindakan-tindakan adalah pertama, menjalani internal suspension di peringkat sekolah selama lima hingga 10 hari persekolahan di mana pelajar

dimestikan hadir ke sekolah untuk mengikuti pembelajaran di bawah seliaan oleh pegawai yang dilantik di samping membuat kerja-kerja kemasyarakatan sama ada di sekolah atau di luar sekolah dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan atau bukan kerajaan yang bersesuaian.

Kedua jelas Yang Berhormat, pelajar dikehendaki untuk menandatangani surat perjanjian, tidak mengulangi kesalahan dan mematuhi peraturan di hadapan ibu bapa, penjaga dan pihak sekolah.

Ketiga katanya, ibu bapa / penjaga juga dikehendaki menandatangi surat persetujuan untuk membenarkan anak atau anak di bawah jagaannya, menjalani tindakan - tindakan yang dikenakan oleh pihak sekolah; dan keempat, pelajar juga akan dikehendaki untuk mengikuti sesi kaunseling di sekolah.

Manakala tambahnya, jika pelajar yang sama mengulangi kesalahan yang telah dinyatakan tadi, pelajar berkenaan akan dikehendaki untuk mengikuti program khas di bawah kendalian Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tempoh bersesuaian yang akan ditetapkan kemudian.

Menurutnya lagi, langkah pencegahan berdasarkan pendidikan dan kaunseling telah dilaksanakan melalui modul-modul kesedaran dan program intervensi yang bertujuan

mendidik pelajar supaya tidak terjebak dalam pengaruh negatif sebelum isu tersebut menjadi lebih serius.

Di samping itu jelasnya, dalam usaha membendung pengaruh negatif sebelum ia menjadi lebih serius, pihak Kementerian Pendidikan akan sentiasa membuat pemantauan ketat secara berjadual bagi mengawas pelajar sepanjang waktu persekolahan, mengadakan program dan aktiviti kesedaran kepada pelajar dari semasa ke semasa dan mengadakan Program B.E.S.T. Anti Buli yang dijalankan sebagai program tahunan di semua peringkat persekolahan pada setiap tahun.

"Sekiranya terdapat kejadian yang melibatkan unsur jenayah atau penyalahgunaan dadah, pihak berkuasa seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan agensi berkaitan turut terlibat

untuk tindakan segera," ujar Yang Berhormat.

Antara faktor yang menyebabkan terjadinya kes buli jelasnya, adalah pertama, pengaruh keluarga atau ibu bapa, di mana pelajar membuli disebabkan dia diperlakukan dengan tingkah laku agresif atau ganas oleh ibu bapanya di rumah atau pelajar sendiri menyaksikan ahli keluarganya dipukul atau didera; kedua, pelajar yang kurang berdisiplin; ketiga, kurang didikan agama di rumah; keempat, pengaruh kawan sebaya dan persekitaran tempat tinggal dan kelima, pelajar yang merasakan dirinya tidak dapat dicabar.

Walau bagaimanapun tambahnya lagi, dapatkan data yang dikumpulkan sejak tiga tahun lepas didapati telah menunjukkan trend yang menurun bagi kes-kes buli di sekolah, iaitu penurunan sebanyak 734 pada tahun 2023 kepada 447 pada tahun 2024.

"SEKIRANYA terdapat kejadian yang melibatkan unsur jenayah atau penyalahgunaan dadah, pihak berkuasa seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan agensi berkaitan turut terlibat untuk tindakan segera".

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 6 Mac. - Kementerian
Pendidikan telah pun
mengeluarkan Surat
Pemberitahuan Kementerian
Pendidikan Bilangan 2/2025 yang
menetapkan garis panduan
serta tatacara tindakan di
peringkat sekolah untuk
menangani isu buli, gangsterisme
dan penyalahgunaan dadah.

Menyatakan perkara tersebut semasa mengulas pertanyaan daripada Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PELAKSANAAN PROJEK DIGITAL IDENTITY DIPERKENANKAN

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas



>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat fasa percubaan atau *trial rollout* bagi Brunei Identity Digital ini, insyaAllah akan dijalankan dalam waktu terdekat selama enam bulan. Ia bertujuan untuk menilai pengalaman para pengguna, mengumpulkan maklum balas bagi

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

penambahbaikan dan memastikan ketersediaan platform berkenaan sebelum ia dilancarkan sepenuhnya kepada orang ramai.

Jelas Yang Berhormat lagi, fasa percubaan tersebut akan melibatkan penggunaan Digital Identity bagi perkhidmatan dalam talian yang terpilih daripada sektor kerajaan dan juga sektor swasta yang mana akan dapat meningkatkan jumlah pengguna sambil memberi manfaat kepada pihak-pihak berkenaan.

Di samping itu, Yang Berhormat turut menyentuh mengenai kemajuan teknologi seperti Artificial Intelligence (AI) dan perubahan ekonomi global yang pesat, di mana ada keperluan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian agar negara ini tidak ketinggalan dan kekal berdaya saing.

Melalui pihak AITI, jelas Yang Berhormat telah pun menubuhkan kumpulan kerja urus tadbir dan etika kecerdasan buatan, Working Group on AI Governance and Ethics dengan keahlian daripada kalangan wakil-wakil dari 24 buah agensi kerajaan dan bukan kerajaan, sektor swasta dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Tambah Yang Berhormat, objektif utama kumpulan kerja ini adalah untuk menyediakan satu garis pandu bagi sebarang organisasi dalam membentuk, membangun dan menggunakan AI dengan mengambil kira kerumitan, complexity teknologi dan risiko berkaitan dengan sistem AI.

Walaupun AI berpotensi dalam mendorong inovasi dan pembangunan terang Yang Berhormat, ia juga mempunyai risiko daripada segi etika penggunaan AI. Seterusnya dalam mendukung usaha inovasi penyelidikan dan perkembangan melalui Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains, CReATES setakat ini telah meluluskan 16 projek dengan jumlah kos sebanyak BND34 juta.

Yang Berhormat berharap agar

projek-projek penyelidikan tersebut mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai komersial yang tinggi dan berdaya saing di taraf antarabangsa dan menjurus kepada menjana pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki kesejahteraan rakyat di negara ini.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut mengambil maklum akan saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di dewan itu juga akan dipertimbangkan nanti.

Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa penyelenggaraan dan pemberian aset kerajaan memainkan peranan kritikal dalam memastikan kecekapan operasi serta ketahanan infrastruktur yang menyokong penyampaian perkhidmatan awam.

Dalam sektor pengangkutan udara, jelas Yang Berhormat keutamaan diberikan kepada peningkatan keselamatan dan keupayaan operasi Lapangan

Terbang Antarabangsa Brunei bagi mendukung pertumbuhan ekonomi serta kepentingan strategik negara dalam industri penerbangan.

"Antara projek-projek dan kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, ini merangkumi pemberian landasan dan kawasan pergerakan pesawat untuk memastikan keselamatan penerbangan dan pematuhan terhadap piawaian antarabangsa," kata Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, peningkatan peralatan pemeriksaan keselamatan dan sistem pengawasan dan peningkatan infrastruktur aerodrome dan kemudahan lapangan terbang termasuk sistem pernhayaaan dan navigasi udara.

Di samping itu, katanya memodenkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, ini insyaAllah akan dapat meningkatkan pemeliharaan infrastruktur dan peralatan yang sedia ada. Perkara ini secara tidak langsung dapat menyediakan kemudahan dan keselesaan pengguna secara berkesan.

Manfaatkan secara optimum, efisien prasarana sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Bagi memastikan kemudahan sukan yang disediakan dapat dimanfaatkan secara optima dan efisien oleh orang ramai sekali gus akan dapat membantu memantapkan lagi kualiti perkhidmatan merupakan usaha berterusan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan di bawahnya terutama sekali dalam kerja-kerja pemeliharaan dan penyelenggaran prasarana sukan di bawah kawalan kementerian tersebut.

Menurut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad lagi, terdapat 17 padang bola sepak termasuk padang guna sama di bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan dan KKBS. Padang-padang tersebut sememangnya digunakan secara optimum dan sentiasa dalam keadaan terjaga serta disewakan dengan teratur.

Yang Berhormat berkata demikian semasa Ulasan Menteri pada Sesi Perbahasan Peringkat Dasar bagi Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulan Wang Kemajuan bagi menjawab cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin

berkenaan usaha bagi memaksimakan penggunaan kompleks sukan khususnya padang bola sepak bagi menjana pendapatan hasil negara dan juga cadangan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkenaan pengemaskinian kadar sewa kemandahan sukan.

Namun demikian, jelas Yang Berhormat, kementeriannya kekal komited untuk meneroka kaedah terbaik dalam mempertingkatkan lagi penggunaan padang bola sepak di bawah kawalan kementerian itu agar ia lebih memberi manfaat kepada masyarakat serta dapat menjana hasil kepada kerajaan.

"Dalam usaha ini, kementerian ini sedang meneroka peluang - peluang baru untuk mengoptimalkan penggunaan padang-padang bola sepak melalui kaedah penswastaan atau pun PPP bagi membolehkan padang-padang bola sepak yang telah dikenal pasti digunakan dengan secara lebih strategik," jelas Yang Berhormat pada persidangan hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, beberapa padang bola sepak atau kompleks sukan yang

berpotensi telah pun dikenal pasti untuk dibukakan tawaran bagi projek penswastaan kepada pihak swasta atau organisasi tertentu bagi tujuan aktiviti sukan, kejohanan serta program pembangunan sukan yang lebih sistematis.

Selain daripada itu, jelas Yang Berhormat, kementeriannya juga sedang dalam proses mengemaskinikan kadar-kadar sewa padang bola sepak termasuk kompleks-kompleks sukan bagi memastikan kadar yang dikenakan adalah berpatutan dan bersesuaian dengan kemudahan yang disediakan.

Tambah Yang Berhormat lagi, pengemaskinian tersebut juga mengambil kira berbagai faktor antaranya kos penyelenggaraan, tahap atau standard kemudahan yang disediakan serta nilai tambah yang boleh diberikan kepada pengguna dan juga pada masa yang sama kita juga mahu memberi galakan yang bersesuaian kepada orang ramai mahupun belia-belia yang bersukan untuk bersukan ke arah gaya dan mengamalkan gaya yang hidup yang sihat.

Menurut Yang Berhormat lagi, langkah tersebut adalah bertujuan untuk memastikan kadar sewa yang dikenakan adalah bersesuaian dan kompetitif yang secara tidak langsung menyumbang kepada

penjanaan hasil kerajaan yang nantinya boleh digunakan untuk menaik taraf serta mengekalkan kemudahan sedia ada, supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selesa untuk digunakan.

"Sejajar dengan ini, usaha bersepudu kementerian abiskaola dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan pengurusan kemudahan sukan, kementerian ini juga sedang giat melaksanakan proses penaiktarafan kompleks-kompleks sukan termasuk dewan dan padang yang mempunyai potensi untuk dikenakan kadar sewa yang lebih kompetitif," jelas Yang Berhormat.

Kata Yang Berhormat lagi, inisiatif itu bukan sahaja dapat menambah bisai kualiti atau standard kemudahan yang disediakan, tetapi juga berperanan dalam menyokong pembangunan sukan secara lebih mampan dan menyeluruh.

Jelas Yang Berhormat, kementerian ini juga sedang meneroka peluang dan strategi lain bagi memperluaskan penggunaan kompleks-kompleks sukan dan juga padang-padang bola sepak dengan melibatkan lebih banyak sektor swasta, kelab-kelab bola sepak tempatan atau akademi bola sepak remaja dalam penyewaan padang bola sepak bagi tujuan latihan dan kejohanan secara lebih teratur, mengikut persyaratan yang sedia

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

ada.

"Kementerian ini juga akan terus berkolaborasi dengan pihak berkepentingan lain seperti persatuan bola sepak, institusi pendidikan dan sektor korporat bagi memastikan kemudahan ini dapat dimanfaatkan secara lebih berstruktur dan menjadikan kompleks-kompleks sukan dan padang-padang bola sepak di bawah kawalan kementerian ini sebagai platform mengenal pasti serta pembangunan bakat atlet tempatan," terang Yang Berhormat.

Sementara itu, Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa kementeriannya juga akan terus komited dalam memastikan kemudahan sukan yang sedia ada akan terus digunakan dengan sebaiknya dan dalam masa yang sama dapat memberi pulangan yang positif kepada negara serta manfaat kepada masyarakat dalam sama-sama menyumbang kepada peningkatan hasil kerajaan secara mampan.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



GIAT SEDIAKAN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 6 Mac. – Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) sedang giat mengusahakan penyediaan Sistem Pengangkutan Awam yang dihasratkan selamat, efisien, berjadual dan selesa kepada para pengguna.

Perlaksanaannya akan memberi tumpuan kepada tiga perkara, iaitu pertama, meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan bas utama; kedua, penambahbaikan dan peningkatan liputan teksi dan perkhidmatan berkongsi tumpangan atas permintaan (*e-hailing*); dan ketiga memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memantau pergerakan kenderaan dan kemudahan penumpang melalui pemakaian sistem pengurusan pengangkutan pintar (STS).

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa mengemukakan perkara tersebut dalam Kenyataan Menteri pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung

di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Perkara tersebut adalah bagi mengongsikan status penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam dan perancangan ke hadapan atau *way forward* dan juga bagi menjawab soalan PL126 daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menjelaskan bahawa usaha sekarang adalah ditumpukan kepada mengenal pasti penyedia perkhidmatan yang berminat dan berkebolehan untuk menyediakan, mengendali, mengurus dan menyelenggarakan perkhidmatan pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada Perkhidmatan Rangkaian Bas Teras dan Perkhidmatan Di Dalam Kawasan Tadahan / Atas Permintaan dengan tujuan untuk meningkatkan ketersambungan dan tahap perkhidmatan yang memenuhi keperluan orang ramai dan pada masa yang sama boleh meningkatkan penggunaan dan jumlah penumpang, mengoptimumkan kecekapan dan keberkesanan rangkaian laluan bas dan Perkhidmatan Pengangkutan Di Dalam Kawasan Tadahan yang terdiri daripada

kawasan - kawasan sekolah, menyediakan perkhidmatan yang boleh dipercayai, mengikut jadual dan laluan yang konsisten, menyediakan perkhidmatan yang selesa dan berkualiti dengan menggunakan armada moden dan mengikut piawaian dan memperkenalkan sistem pengangkutan awam yang mampan, cekap dan inovatif untuk mengurangkan jejak karbon dan kos operasi.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa projek tersebut kini dalam status Pelawaan Cadangan atau Request for Proposal (RFP) yang mana pengiklanan telah pun dibukakan sejak 28 September 2024 dan akan tutup pada 11 Mac 2025 akan datang, iaitu perubahan daripada tarikh penutupan asal pada 28 Februari berikutnya permintaan lanjutan tarikh tutup daripada peserta RFP tersebut.

Menurut Yang Berhormat, dalam tempoh berkenaan, satu sesi taklimat atau *information day* juga telah diadakan pada 5 November 2024 yang bertujuan untuk memberikan pemahaman serta panduan lanjut dan jelas mengenai projek ini kepada mana-mana syarikat yang berkelayakan dan menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam RFP berkenaan.

"Dua sesi penjelasan tambahan juga telah diadakan dan diberikan jawapan secara bertulis kepada semua peserta pada penghujung bulan November dan di

penghujung bulan Disember 2024.

"Di antara perbincangan dan pertanyaan yang ditimbulkan adalah berhubung dengan insentif, galakan dan bantuan daripada kerajaan bagi projek ini berjaya dengan mengambil kira jumlah penumpang yang masih terlalu rendah," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa pendekatan yang diambil oleh RFP tersebut adalah untuk dapat menilai cadangan perbelanjaan dan hasil optimum daripada pencadang. *Business and economic model* yang dicadangkan harus merangkumi penilaian kos dan pendapatan yang dapat diperoleh dalam tempoh kontrak, yang juga merupakan tempoh jangka panjang sehingga 10 tahun. Selain daripada unjur anjuran pendapatan daripada tambang penumpang, sumber pendapatan tambahan seperti daripada platform pengiklanan, penyewaan aset yang dipajak dan lain-lain perlu diteroka.

Tambah Yang Berhormat lagi berdasarkan perkara itu, kerajaan boleh menilai dan memutuskan untuk campur tangan, jika perlu. Buat masa ini, kerajaan telah pun komited dalam melabur dalam prasarana perhentian bas, terminal pertukaran bas dan sistem pengurusan digital di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Jelas Yang Berhormat lagi, Kementerian Pengangkutan dan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Infokomunikasi juga berpendapat bahawa dengan membangunkan sistem pengangkutan awam yang cekap, boleh diakses, dan diurus dengan bijak, disertai dengan pemasaran strategik dan penglibatan awam, jumlah *ridership* boleh dipupuk secara beransur-ansur bagi mengubah tingkah laku awam ke arah penggunaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan ini di masa depan. Akan tetapi, pelaburan dan benihnya perlu disemai awal.

Pada akhir kenyataan, Yang Berhormat menyatakan memandangkan usaha ke arah penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam tersebut di dalam proses perolehan dan akan menjalani proses penilaian teknikal dan komersial mengenainya, diharap ia akan mendapat jalan ke hadapan daripada Pelawaan Cadangan dan RFP.

Tingkat usaha pengupayaan, pemerkasaan, penglibatan belia



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 6 Mac. – Tindakan-tindakan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) ke arah memperkasa dan melibatkan golongan belia dalam membentuk masa depan ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah dengan meneruskan usaha untuk meningkatkan program-program bagi menjana belia harapan dan berwawasan sebagai peneraju pembangunan negara dengan berteraskan kepada peningkatan usaha pengupayaan, pemerkasaan dan penglibatan belia secara inklusif yang berdasarkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menjelaskan demikian pada Sesi Perbahasan Peringkat Dasar bagi Rang Undang - undang (2025) Perbekalan, 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulan wang Kemajuan semasa Ulasan Menteri untuk menjawab cadangan dan pandangan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee bagi sesi sebelumnya.

Pada persidangan hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan bahawa pengupayaan belia terus menjadi keutamaan melalui pelbagai inisiatif latihan kemahiran, kepimpinan, jati diri, inkubator keusahawanan serta pemberian *micro grant* bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam mendapatkan pekerjaan yang bermakna dan juga memulakan usaha perniagaan. Usaha-usaha ini dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia (PPB), Pusat-pusat Bahagia, Outward Bound Brunei Darussalam dan juga Bahagian Khidmat Bakti Negara.

Menurut Yang Berhormat, keberkesanan program tersebut dapat dilihat melalui kadar

kebolehpasaran Pelatih PPB yang telah mencapai 78 peratus, dengan 61 peratus berjaya mendapat pekerjaan, lima peratus mencebur bidang keusahawanan dan 12 peratus meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Jelas Yang Berhormat lagi, pada tahun ini seramai 15 orang alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah diberikan kelayakan sebagai jurulatih bagi siri pertama dan ini menandakan kejayaan program dalam melahirkan tenaga muda yang berdaya saing dan bersedia untuk menyumbang kepada masyarakat.

Tambah Yang Berhormat, pemerkasaan belia juga terus diberi keutamaan dengan menyediakan peluang dan platform bagi mereka untuk terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan, merangka dasar dan menyusun strategi pembangunan belia. Dalam hal ini, mekanisme seperti Instagram, hab belia, dialog dan forum belia, Kongres Belia Kebangsaan serta Youth Town Hall (YTH) adalah memainkan peranan penting dalam pembentukan Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS) 2020-2035 yang menjadi asas kepada pelan tindakan serta hala tuju pembangunan belia secara menyeluruh.

Sementara itu, bagi memastikan pelan tindakan DBNS kekal relevan dengan perkembangan semasa, Yang

Berhormat menerangkan bahawa para belia turut dilibatkan dalam proses kajian semula dan pemantauan pelaksanaannya sekali gus memastikan dasar dan inisiatif yang digariskan benar-benar memenuhi keperluan serta aspirasi mereka.

"Di samping itu, penglibatan sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selaku Ahli MMN juga adalah merupakan salah satu contoh penglibatan dan pengiktirafan terhadap golongan belia dalam sama-sama membantu pihak kerajaan melaksanakan penggubalan dan pembentukan dasar di negara ini," jelas Yang Berhormat.

Menerangkan mengenai Kongres Belia Kebangsaan, Yang Berhormat menjelaskan bahawa ia dirancang untuk dilaksanakan pada penghujung tahun 2025 ini bagi menilai pelaksanaan resolusi Kongres Belia Kebangsaan 2019 dan menyediakan resolusi baharu bagi membantu pembentukan perancangan pelan tindakan DBNS bagi tempoh 2026 hingga ke 2030.

Menyentuh mengenai YTH,

Yang Berhormat menjelaskan bahawa ia merupakan salah satu inisiatif yang berjaya dilaksanakan oleh Youth Professional Network (YPN) yang terus menjadi platform penting bagi belia menyuarakan pandangan serta menyumbang kepada pembangunan negara. Ke semua inisiatif ini adalah selari dengan kajian Indeks Pembangunan Belia yang sedang dikendalikan oleh Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS) yang mana laporan tersebut akan menghasilkan semakan penilaian pelaksanaan DBNS bagi tempoh 2020 - 2035 dan impak pelan tindakan bagi tempoh 2020 - 2024.

>> Muka 9



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

MEMPERKENALKAN REGENERATIVE AGRICULTURE, JALANKAN PENYELIDIKAN VARIETI PADI UNGGUL

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Pelancongan (KSSUP) telah memperkenalkan Regenerative Agriculture yang diharap akan dapat meningkatkan produktiviti keluaran tanaman dengan memulihkan kesuburan tanah melalui penggunaan kompos dihasilkan dari bahan tinja ladang, sambil mempelbagaikan biodiversiti dan menghasilkan hasil tanaman berkualiti tanpa menjelaskan sumber semula jadi.

Bagi mengukuhkan pengeluaran padi dan beras negara, kementerian berkenaan terus menjalankan penyelidikan bagi mengenal pasti varieti padi unggul, berhasil tinggi dan menepati cita rasa pengguna dan ke arah tujuan tersebut KSSUP

telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan The Ministry of Agriculture and Rural Affairs, Republik Rakyat China pada 25 Disember 2024, termasuk cadangan penubuhan Hybrid Rice Research Centre dan memudah cara pembekalan benih padi hibrid ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa menyampaikan Ulasan (Perbahasan Peringkat Dasar) pada hari keenam Mesyuarat Pertama

dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat dalam ulasannya berkata dari segi eksport sejak penghujung tahun 2023 telah berjaya mengeksport telur ayam sekitar 22 juta biji telur ayam dengan nilai sekitar BND4 juta ke Republik Singapura.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, kita juga telah berjaya mengeksport produk proses berdasarkan daging ke Sabah, Sarawak dan buat julung kalinya ke Republik Singapura pada Disember 2024 dan secara keseluruhannya, nilai eksport pertanian dan agrimakanan mencapai sekitar BND5 juta, iaitu peningkatan 72 peratus dari tahun

lepas, usaha-usaha ke arah menggalakkan dan meningkatkan nilai eksport akan terus dilaksanakan antaranya seperti melalui program Export Drive Initiatives.

"Di samping itu juga, selain daripada Industri Primer, kementerian ini juga dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, melalui Capacity Enhancement Programme, giat berusaha untuk membangunkan industri agrimakanan termasuk melibatkan syarikat-syarikat homebased.

"Usaha ini bertujuan untuk merangkumi seluruh rantaian nilai industri makanan supaya dapat diusahakan dan dimanfaatkan di dalam negara ini," ujar Yang Berhormat lagi.

Peruntukan disediakan untuk penyediaan infrastruktur, kemajuan pertanian, perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. – Dalam mengembangkan industri perkayuan ke arah meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), industri hiliran dan nilai tambah perkayuan akan memfokuskan dalam meningkatkan *supply chain* daripada industri primer melalui penggunaan kayu-kayu tempatan untuk diproses.

Sejak tahun 2022, Eksport Produk Perkayuan telah dianjurkan yang bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosi produk perkayuan tempatan.

Kementerian juga telah melancarkan Logo Brunei Wood Product semasa Perasmian Eksport Produk Perkayuan 2024 yang bertujuan untuk mengiktiraf produk-produk perkayuan tempatan negara sebagai produk yang berkualiti tinggi dan seterusnya menjamin penerimaan daripada pasaran tempatan dan juga luar negeri dengan penekanan kepada penggunaan bahan kayu yang dibekalkan dari sumber hutan yang mampan dan boleh dikesan sumbernya.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata demikian semasa menyampaikan Ulasan (Perbahasan Peringkat Dasar) pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Selain itu dalam ulasan Yang Berhormat juga menzhahirkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan menerima baik cadangan-cadangan yang telah dibahaskan pada Selasa yang lalu yang memberi saranan ke atas pentingnya peruntukan mencukupi bagi memajukan bidang pertanian serta mengadakan

infrastruktur seperti bekalan air, bekalan elektrik, saliran, pemasaran, pembentangan, subsidi kewangan, research dan development serta peruntukan untuk membantu industri pemakanan seperti pengeluaran padi, ternakan dan lain-lain.

Dari industri pemakanan, Yang Berhormat juga mengajukan berkaitan kecukupan peruntukan bagi industri pelancongan yang memerlukan destinasi dan pakej yang menarik, kemudahan pengangkutan awam yang efisien, tempat penginapan, tempat makan dan kemudahan pelancongan di tempat-tempat lain untuk disediakan.

Manakala itu, Yang Berhormat juga turut menjelaskan mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck mengenai sektor pertanian khususnya rangka tindakan keselamatan makanan nasional yang lebih komprehensif termasuk kajian strategik terhadap tanah pertanian yang berpotensi, meningkatkan sistem pengairan yang lebih efisien dan penggunaan teknologi dalam pertanian.

Begini juga cadangan Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawaty binti Haji Abdul Mumin bagi kajian mengenai rantaian bekalan *supply chain* dengan memfokuskan kajian pada satu jenama produk makanan tertentu dan mengenal pasti penyelesaian untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos dan juga cadangan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat iaitu mencadangkan bagi kerajaan memperkenalkan insentif khas kepada usahawan tempatan yang ingin menceburti sektor pelancongan termasuk dalam pembangunan homestay, perkhidmatan pelancongan ekologi dan program pelancongan komuniti.

Sehubungan dengan cadangan-cadangan di atas terang Yang Berhormat, pihak kementerian akan memastikan peruntukan yang disediakan akan

digunakan sebaik-baiknya bagi tujuan penyediaan infrastruktur yang mencukupi di kawasan-kawasan kemajuan pertanian dan perikanan. Kementerian ini juga sedang merangka pelan tindakan jaminan keselamatan makanan termasuk rantaian bekalan dengan agensi-agensi yang berkenaan.

"Di samping itu, peruntukan kewangan juga akan digunakan bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti promosi dan pengukuhan produk-produk pelancongan di negara ini. Berkennaan dengan cadangan untuk memperkenalkan insentif khas kepada usahawan tempatan yang ingin menceburti sektor pelancongan termasuk pembangunan homestay, perkhidmatan pelancongan ekologi dan program pelancongan komuniti.

"Sebenarnya, jika diurus secara komersial dan bukan sekadar acara sosial semata-mata, aktiviti-aktiviti ini akan dapat memberikan pulangan yang menguntungkan dan tidak memerlukan insentif kewangan kerajaan," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, mana-mana cadangan yang telah dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kementerian mengambil maklum mengenainya dan akan meneliti dengan lebih lanjut kesesuaian cadangan-cadangan tersebut untuk diserapkan ke dalam pelan pelaksanaan kementerian.

"Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bersama jabatan-jabatan di bawahnya sungguh komited untuk meneruskan program sedia ada serta merangka strategi baharu bagi meningkatkan pengeluaran sektor pertanian, perikanan, perhutanan, dan pelancongan.

"Usaha dipergiat untuk menarik lebih ramai pengusaha, termasuk Government Linked Companies (GLCs) dan Pelaburan Langsung Asing, serta mendorong mereka agar progresif, bersemangat dan menerapkan teknologi moden serta tadbir urus baik."

"Ini adalah demi untuk meningkatkan hasil pengeluaran, KDNK, sekuriti makanan, eksport serta peluang pekerjaan bagi

rakyat tempatan," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam ulasan yang diberikan juga menjelaskan ulasan akan lebih ditumpukan kepada Belanjawan KSSUP dan cadangan peruntukan yang disokong untuk KSSUP bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026 sebanyak BND107.45 juta, iaitu sejumlah BND70.68 juta di bawah peruntukan Perbelanjaan Biasa bagi Emolumen sebanyak

BND41.55 juta; dan Perbelanjaan Berulang-ulang sebanyak BND29.13 juta.

Sementara bagi projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN12), Yang Berhormat menerangkan Harga Rancangan sebanyak BND284.96 juta telah diperuntukkan, yang mana sejumlah BND36.77 juta telah disokong untuk disediakan di bawah peruntukan Perbelanjaan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2025/2026.

Tingkat usaha pengupayaan, pemerkasaan, penglibatan belia

>> Muka 8

Manakala menyentuh mengenai penglibatan aktif belia menerajui inisiatif atau Program Pembangunan Belia, Yang Berhormat menjelaskan ia terus menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Perkara ini adalah hasil daripada kerjasama rapat para belia mendukung usaha dan matlamat kementerian dan negara, sebagai contoh penyertaan belia dalam aktiviti kesukarelawanan semasa Kempen Hari Bertindak atau Day of Action (DOA) telah mencatat peningkatan sebanyak 29 peratus dengan penglibatan seramai 9,000 belia berbanding 7,728 penglibatan belia pada tahun 2024.

Yang Berhormat turut menyatakan bahawa lebih daripada 12,000 belia turut serta setiap tahun dalam pelbagai kempen kesedaran, termasuk Kempen Kesihatan Mental, acara keagamaan, inovasi hijau, perubahan iklim serta jati diri belia di samping aktiviti berkaitan warisan budaya, seni dan kreatif.

Di samping itu, Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa ketika negara dilanda bencana banjir baru-baru ini, para sukarelawan belia telah menunjukkan semangat pemedulian yang tinggi dengan meluangkan masa dan berganding bahu bersama pihak kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan seperti Sukarelawan Belia dan Persatuan Kereta Tahan Lasak Brunei (PKTLB).

Jelas Yang Berhormat, melalui usaha bersama tersebut, mereka berjaya menghantar bantuan makanan, iaitu *ration* makanan kepada golongan yang memerlukan sekali gus mencerminkan semangat kesukarelawanan dan keprihatinan belia dalam membantu masyarakat yang terkesan. Semua ini sebenarnya berjaya dikendalikan dengan makluman yang diberi dalam masa yang singkat dan ia berjaya diungkayahkan dengan kerjasama yang erat dan padu di antara pihak kerajaan, persatuan belia dan juga PKTLB.

Berhubung dengan tindakan untuk menyediakan satu dana pembangunan belia, Yang Berhormat menjelaskan bahawa kementeriannya menyambut baik cadangan tersebut dan ia sudah setentunya akan diteliti lagi secara terperinci.

Selain itu, Yang Berhormat juga turut mengongsikan bahawa KKBS telah memperuntukkan sejumlah BND70,000 di dalam Tahun Kewangan 2024/2025 di bawah Skim PERKASA bagi program-program pembangunan kapasiti yang diterajui oleh belia. Kementerian itu akan meningkatkan lagi usaha, membarigakan skim tersebut agar menarik minat lebih ramai belia untuk lebih bermotivasi dan aktif mengungkayahkan Program Pembangunan Belia.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



NEGARA SAHUT CABARAN ASPIRASI 'NET-ZERO' MENJELANG 2050

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri

Haji Awang Abas

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menjelaskan dalam tempoh empat tahun sejak BNCCP diperkenalkan, pelbagai langkah mitigasi telah dilaksanakan untuk mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau, ini termasuk pertama, mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau dalam sektor perindustrian melalui pengurangan Flaring and Venting di fasiliti pengeluaran minyak dan gas serta penguatkuasaan arahan Mandatory Reporting of Greenhouse Gases yang mewajibkan fasiliti dan agensi melaporkan data pelepasan Green House Gas (GHG) secara berkala.

Kedua tambah Yang Berhormat, peningkatan penggunaan tenaga boleh diperbaharui; melalui projek solar BSP berkapasiti 3MW, projek berkapasiti 30MW di Kampung Belimbang, projek PPP utama (*flagship PPP project*), Projek Sinar Hengyi berkapasiti 48MW serta projek solar berskala kecil atas bumbung yang sedang giat diungkapayakan oleh sektor komersial seperti Expro Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), dan sektor akademik seperti Jerudong International School (JIS).

Ketiga kata Yang Berhormat lagi, pengurangan pengeluaran

pelepasan Gas Rumah Hijau daripada penjanaan serta penggunaan tenaga seperti usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan penjanaan semua stesen janakuasa, serta pelaksanaan Energy Efficiency, Order, Standards and Labelling 2021 untuk mendorong penggunaan peralatan yang lebih cekap tenaga.

"Keempat, Pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau dari sektor pengangkutan darat melalui peningkatan penjualan kenderaan elektrik; kelima, pengurangan kadar pelupusan sisa melalui pengurangan sampah melalui konsep 3R (pengurangan, guna semula dan kitar semula), pengkomposan dan teknologi sisa buangan ke tenaga, waste-to-energy bagi mengurangkan penggunaan tanah untuk tapak pelupusan dan mengurangkan jumlah sampah yang perlu dilupuskan.

"Keenam, meningkatkan penyerapan karbon ataupun carbon sink melalui penanaman semula hutan, afforestation dan penghutanan semula, reforestation," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu ujar Yang Berhormat lagi, usaha-usaha untuk mengimbangi tindakan iklim selaras dengan keperluan pembangunan negara juga adalah penting untuk memastikan penggunaan sumber negara diperuntukkan secara strategik dan

seimbang antara langkah-langkah mitigasi dan adaptasi serta pertumbuhan ekonomi yang mampan yang mana pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan Brunei Economic Blueprint.

"Walau bagaimanapun, kejayaan usaha ini bergantung jua pada beberapa faktor, terutamanya sokongan kewangan yang mencukupi, pembangunan kapasiti yang berterusan dan kemajuan teknologi yang berinovatif bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan.

"Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan mitigasi dan adaptasi, negara melalui Pejabat Perubahan Iklim dan Kementerian Pendidikan giat melaksanakan program pendidikan dan kesedaran ke sekolah-sekolah di seluruh negara.

"Kerajaan juga aktif menjalankan kempen kesedaran awam melalui pameran teknologi mesra alam, program komuniti seperti penanaman pokok dan kitar semula, serta penyebaran maklumat melalui media sosial, radio, dan televisyen," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, salah satu inisiatif terkini adalah segmen perubahan iklim dalam Rampai Pagi yang diadakan setiap bulan sebagai platform kesedaran awam mengenai isu-isu perubahan iklim di NBD.

Menyentuh mengenai dengan tenaga mampan pula, Yang Berhormat mengongsikan dalam usaha memastikan tenaga yang mampan dan berdaya tahan, inisiatif-inisiatif kecekapan dan

penjimatan (Energy Efficiency and Conservation - EEC) memainkan peranan penting dalam mengoptimalkan penggunaan sumber berharga seperti minyak dan gas asli supaya dapat dimanfaatkan untuk keperluan jangka panjang dan bagi memastikan bekalan tenaga yang stabil.

Tambah Yang Berhormat lagi, penglibatan orang awam juga adalah penting dalam memajukan inisiatif hijau dan pada tahun 2024, Jabatan Tenaga telah mengeluarkan sebuah video mengenai tips praktikal penjimatan tenaga, yang mana telah dikongsikan melalui siaran televisyen dan sosial media.

Yang Berhormat juga berkata, selain itu, sebuah buku panduan mengenai inisiatif - inisiatif kecekapan dan penjimatan tenaga atau EEC akan diedarkan untuk menggalakkan penyertaan orang ramai di negara ini yang mana usaha ini akan membantu negara untuk mengoptimalkan sumber berharga seperti gas dan memupuk tingkah laku penggunaan yang bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat, beberapa cabaran telah dikenal pasti dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif projek hijau, ini termasuklah ketersediaan dasar bagi projek hijau, kapasiti tempatan dalam mengendalikan teknologi hijau dan penerimaan orang ramai mengenai projek hijau.

"Oleh itu, mengambil pendekatan Whole of Nation Approach, satu Project Team telah



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

ditubuhkan yang bertujuan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif projek hijau yang sedia ada serta merangka inisiatif-inisiatif baharu, selaras jua dengan strategi-strategi di bawah BNCCP.

"Project Team ini sedang dan akan terus mengadakan sesi stakeholder's engagement termasuk bersama pihak swasta, institusi-institusi pendidikan dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) untuk mengumpulkan maklumat dan bagi mendapatkan maklum balas berhubung dengan keadaan dan situasi, keupayaan dan ketersediaan mereka dalam meneroka pembangunan berkonsep hijau di negara ini.

"Secara keseluruhan, inisiatif-inisiatif projek hijau ini adalah turut dipantau rapi di bawah Jawatankuasa Pandu Keselamatan dan Kecekapan Tenaga (ESESC) bagi memastikan pelaksanaannya menurut garis masa yang ditetapkan," ujar Yang Berhormat lagi.

Sistem tenaga elektrik negara mampu memenuhi permintaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. – Mengenai sistem bekalan elektrik di negara ini, Alhamdullilah, prasarana sistem bekalan tenaga elektrik di Negara Brunei Darussalam (NBD) kekal mampu memenuhi permintaan tenaga elektrik semasa, bukan sahaja untuk keperluan rakyat dan penduduk di negara ini, malahan bagi mendukung aktiviti-aktiviti perekonomian negara termasuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) khususnya yang mampu menjana nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang tinggi bagi negara di samping memerlukan tahap intensiti tenaga yang rendah.

Keutamaan diberikan kepada penyediaan bekalan tenaga yang berterusan dan selamat dengan liputan bekalan tenaga elektrik yang kini sudah hampir mencapai 100 peratus dengan terlaksananya penyambungan rangkaian tenaga elektrik ke Mukim Sukang dan kawasan pedalaman yang lain di Daerah Belait.

Dalam terus memelihara kesejahteraan rakyat dan memacu pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing dan manarik dalam kalangan FDI, sejarah dengan matlamat Economic Blueprint negara, usaha-usaha penaiktarafan dan peningkatan prasarana bekalan tenaga elektrik negara dari segi kapasiti penjanaan dan juga rangkaian grid terus sahaja diberi keutamaan dalam perancangan Jabatan Perdana

Minister (JPM) melalui Jabatan Tenaga, demi memastikan kebolehpercayaan bekalan tenaga elektrik yang berterusan sambil memenuhi keperluan yang semakin meningkat.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjawab persoalan apakah negara mampu menyediakan bekalan tenaga elektrik yang mampan untuk memenuhi permintaan FDI tanpa perlu berkompromi dengan keperluan bekalan tenaga elektrik yang sedia ada, sejajar dengan memasukkan FDI ke NBD yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat juga menjelaskan dalam jangka masa pendek dan sederhana, beberapa projek baharu sedang giat dimajukan dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan melaksanakan projek jana kuasa Bukit Panggal Fasa Kedua di bawah peruntukan belanjawan Rancangan Kemajuan Negara (RKN12), dan Syarikat Berakas

Power Company juga akan membina sebuah jana kuasa baru.

Menurut Yang Berhormat lagi, kedua-dua projek ini akan menggunakan teknologi *combined cycle* yang lebih cekap tenaga dan disasarkan mula beroperasi pada tahun 2027/2028.

Projek-projek ini ujar Yang Berhormat lagi, akan meningkatkan jumlah kapasiti terpasang bekalan tenaga elektrik secara keseluruhannya kepada sekitar 1.2 megawatt, iaitu peningkatan melebihi 35 peratus daripada kapasiti yang ada pada masa ini dan peningkatan kapasiti ini dijangka akan dapat memenuhi unjuran permintaan tenaga elektrik pada tahun-tahun akan datang.

Tambah Yang Berhormat selanjutnya, bagi permintaan jangka panjang pula, JPM melalui Jabatan Tenaga kini sedang merangka Pelan Induk Tenaga bagi membentuk hala tuju sektor tenaga elektrik yang boleh memacu pertumbuhan ekonomi menjelang tahun 2035 dan seterusnya yang mana usaha ini melibatkan kerjasama rapat dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk kementerian-kementerian yang berkenaan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) bagi memastikan pendekatan Whole of Nation dalam menilai kesesuaian unjuran keperluan tenaga elektrik serta sistem bekalan masa

hadapan.

"Perancangan yang kukuh atau robust adalah penting dalam memastikan bekalan tambahan yang diperlukan khususnya bagi aktiviti-aktiviti FDI dengan keperluan tenaga elektrik yang tinggi diambil kira awal memandangkan projek-projek penaiktarafan prasarana bekalan tenaga elektrik mengambil masa dan memerlukan peruntukan kewangan khas sama ada di bawah Belanjawan RKN atau mekanisme pembiayaan alternatif seperti melalui Kerjasama Awam-Swasta (Public Private Partnership – PPP).

"Kehadiran FDI di NBD adalah sangat dialu-alukan. JPM melalui Jabatan Tenaga juga bersedia untuk memudahkan mana-mana FDI yang berhasrat untuk bertapak di NBD untuk membina jana kuasa persendirian bagi kegunaan sendiri secara *captive*, seperti mana yang sudah disaksikan di FDI-FDI utama negara pada masa ini iaitu di Loji Methanol Syarikat Brunei Methanol Company, Loji Urea, Syarikat Brunei Fertilizers Industry dan juga Loji Petrokimia, Syarikat Hengyi Industries," jelas Yang Berhormat.

Di samping itu terang Yang Berhormat lagi, industri-industri baharu adalah digalakkan untuk turut mempertimbangkan sumber tenaga alternatif yang boleh diperbaharui untuk keperluan tenaga persendirian termasuklah sistem solar sama ada berskala kecil secara rooftop ataupun berskala besar.

Pendekatan ini tambah Yang Berhormat, akan membantu meningkatkan daya saing aktiviti-aktiviti FDI berkenaan khususnya dalam pasaran rendah karbon dan seiring dengan hala tuju ini, rancangan-rancangan RKN12 dan yang seterusnya akan disesuaikan bagi memastikan prasarana bekalan tenaga elektrik dari segi kapasiti dan juga rangkaian grid mampu menampung permintaan tenaga elektrik yang semakin meningkat, serta bagi membolehkan penyerapan tenaga boleh diperbaharui berskala besar selaras dengan pertumbuhan aktiviti-aktiviti perekonomian.

"Adapun perkara yang berkaitan dengan memastikan keterjaminan tenaga bagi NBD turut dipantau rapi di bawah Jawatankuasa Pandu Keselamatan dan Kecekapan Tenaga (ESESC) dengan kerjasama rapat Jawatankuasa Pandu Foreign Direct Investment & Domestic Investment (FDI-DI).

"Dengan adanya langkah-langkah strategik ini, negara akan dapat mengukuhkan kedudukan sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing serta bersedia untuk memenuhi keperluan tenaga dalam landskap ekonomi yang semakin dinamik dan pelbagai," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada persidangan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Pada persidangan hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato

PENINGKATAN PERMINTAAN TENAGA KERJA CERMINKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman mengongsikan, berdasarkan maklumat dari Jabatan Buruh, jumlah tenaga kerja asing di negara ini pada tahun 2019 adalah seramai 65,579 orang; 71,511 orang pada tahun 2020; 60,294 orang pada tahun 2021; 65,714 orang pada tahun 2022; dan 75,402 orang pada tahun 2023.

Jumlah ini menurut Yang Berhormat tidak termasuk perkhidmatan Persendirian (Domestic Helpers) yang mana menurut maklumat dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

adalah dianggarkan berjumlah 13,000 pada tahun 2024.

Peningkatan dan pengurangan yang ketara pada tahun 2020 dan 2022 ujar Yang Berhormat adalah disebabkan oleh kelonggaran sekatan keluar dan masuk ke negara ini susulan daripada pandemik COVID-19. Yang Berhormat seterusnya berkata, peningkatan permintaan tenaga kerja pada tahun 2023 ini mencerminkan pertumbuhan ekonomi negara dari pelbagai sektor dan industri yang berkembang di negara ini.

Manakala berkenaan dengan penglibatan pekerja asing di

dalam sektor perniagaan runcit tambah Yang Berhormat, Banci Majikan dan Pekerja Tahun 2023 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Buruh setakat 1 April 2024, menunjukkan bahawa 1,444 syarikat yang didaftarkan sebagai kedai runcit adalah didaftarkan dan dimiliki oleh warganegara Brunei Darussalam dan sebilangan sahaja didaftarkan bersama dengan rakan kongsi dari kalangan warganegara asing.

"Seramai 6,001 pekerja tempatan bekerja dalam sektor perniagaan kedai runcit, manakala seramai 8,350 pekerja adalah dari kalangan pekerja asing. Majoriti pekerja tempatan di dalam aktiviti ini bekerja dalam bidang jualan, termasuk sebagai penyelia kedai, pembantu kedai,

juruwang dan jurujual. Manakala pekerja asing kebanyakannya memegang jawatan sebagai pekerja asas seperti buruh kedai," jelas Yang Berhormat.

Seterusnya, Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa terdapat dua jenis sistem yang digunakan dalam pengendalian letak kereta, iaitu Kawasan Letak Kereta Terbuka (On-Street Car Park) dan Kawasan Letak Kereta Berkandang.

Pada masa ini, sebanyak 12 Kawasan Letak Kereta Terbuka dan 13 Kawasan Letak Kereta Berkandang menggunakan *automatic barrier system* (tekan, tiket dan masuk). Kaedah operasi penswastaan ini akan dilaratkan di kawasan letak kereta yang masih dikendalikan oleh Jabatan-jabatan Bandaran.

Penghulu mukim, ketua kampung bertindak sebagai perantara dua hala

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Menyentuh mengenai kesejahteraan dan kemaslahatan penduduk, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berkata, salah satu tugas dan tanggungjawab penghulu mukim dan ketua kampung iaitu sebagaimana yang digariskan di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di bawah fasal tiga perkara tiga iaitu sebagai mata, telinga dan lidah kepada kerajaan dan kepada penduduk kampung dalam menjaga serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan,

kebijakan dan keselamatan kampung.

Manakala Petunjuk Prestasi Utama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (KPI 4) iaitu 'Peratus Penduduk Mukim / Kampung yang Dipeduli, Dikelilinga, dan Ditangani' adalah untuk memastikan kemaslahatan anak buah kampung khususnya bagi golongan yang berkeperluan terjaga.

Dalam memenuhi tanggungjawab ini, Yang Berhormat menyatakan bahawa Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sudah setentu menyimpan maklumat anak-anak buah di mukim atau kampung di bawah jagaan masing-masing.

"Ini termasuklah juga membantu pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dalam menjalankan temu duga awal ke atas pemohon bantuan melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN) bagi memastikan maklumat-maklumat yang dihadapkan adalah betul," demikian jelas Yang Berhormat dalam kenyataan pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.



67 buah negara diberikan pengecualian visa

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Dalam usaha untuk mendukung industri pelancongan, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan aturan pengecualian visa dengan sebanyak 67 buah negara di mana melalui aturan pengecualian visa ini, warganegara dari negara-negara berkenaan boleh masuk dan tinggal di NBD bagi tempoh tertentu di antara 14 hari hingga 90 hari.

Selain kemudahan pengecualian visa, sebanyak enam buah negara asing juga telah diberikan kemudahan Visa On Arrival semasa tiba di NBD.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan perkara tersebut dalam kenyataan semasa persidangan hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat menjelaskan, perjanjian pengecualian visa ini bukan sahaja memudahkan perjalanan malah sebagai pemangkin kepada perkembangan industri pelancongan di negara ini yang kaya dengan warisan budaya, tempat-tempat bersejarah serta destinasi yang menarik sekali gus memberi kesan yang positif kepada ekonomi negara dengan menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor yang berkaitan dengan pelancongan dan sektor-sektor yang berkaitan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENGUATKUASAAN AKTA PASTIKAN BIODIVERSITI NEGARA TERUS TERPELIHARA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Dalam mengawal dan memelihara flora dan fauna, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Hutan

Penggal 46 bagi mengawal selia aktiviti pengambilan hasil hutan sebagai langkah strategik bagi memastikan sumber biodiversiti negara ini terus terpelihara dan diurus secara mampu.

Sebarang pengambilan hasil



hutan tanpa kebenaran adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang yang berat. Manakala Akta Perlindungan Binatang Liar Penggal 102, mengawal selia aktiviti pemburuan, pemilikan serta perdagangan spesies hidupan liar yang dilindungi.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menyatakan perkara tersebut semasa menjawab persoalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat berkenaan dengan tatacara mengawal dan memelihara flora dan fauna dan tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap kesalahan flora dan fauna.

Pada persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang memasuki hari kelima, hari ini di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang

Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menjelaskan, pengawalan flora dan fauna ini melibatkan kerjasama beberapa agensi termasuk pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan juga Pasukan Polis Diraja Brunei secara bersepudau.

Dari segi kawalan perdagangan flora dan fauna pula tambah Yang Berhormat, Jabatan Perhutanan juga menguatkuasakan peraturan di bawah Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora melalui Perintah Flora dan Fauna Liar 2007.

"Bagi kesalahan mengambil hasil hutan tanpa kebenaran, Jabatan Perhutanan, tindakan undang-undang akan dikenakan seperti berikut, kompaun tidak melebihi BND1,000, bagi pengambilan atau memiliki hasil hutan tanpa kebenaran Jabatan Perhutanan.

Denda tidak melebihi BND500 ribu atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (atas), manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada persidangan berkenaan.

sekali bagi hukuman bagi kesalahan mengambil hasil hutan tanpa kebenaran di dalam hutan simpan," terang Yang Berhormat.

Belajar, peka dengan kemajuan semasa yang bergerak pantas



seumpamanya.

"Malahan perlu melihat dari segi kerap kerja tadbir urus dan tata kelola di dalam kerajaan mahupun swasta. Kerana ini berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu matlamat dan wawasan.

"Sikap jujur, disiplin dan amanah perlu diserapkan di dalam jentera kerajaan agar ketirisan tugas dan perbelanjaan dapat diatasi. Perkara ini penting kerana setiap sen wang kerajaan yang digunakan hendaklah dapat dinikmati dan memberi kesan secara optimum," demikian ujar Ahli Yang Dilantik, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Daniyal@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong semasa mengemukakan pandangan dan cadangan berhubung peruntukan dan dasar kewangan negara pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyarankan agar kaedah pendekatan memilih harga terendah di dalam sesuatu tawaran, hendaklah diteliti kerana ia bukanlah satu pendekatan yang terbaik secara cara menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

"Kita perlu belajar dan peka dengan kemajuan semasa yang bergerak pantas. Kerajaan bukan sahaja diukur daripada data-data yang memberikan gambaran tentang kedudukan ranking atau peratus kenaikan keuntungan negara sama ada dalam pendidikan, ekonomi dan

oleh pihak swasta hendaklah bermutu tinggi serta tidak membebarkan. Ini merupakan strategi timbal balik yang memberikan kesan positif kepada kemajuan negara khususnya dalam pertembungan ekonomi pihak swasta.

Dalam usaha bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan terutama sekali di dalam menangani isu bencana alam seperti banjir kilat dan tanah runtuh, Yang Berhormat mengharapkan agar peruntukan yang mencukupi wajar disediakan untuk melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan tahap aset-aset pihak yang berkenaan.

"Sudah tiba masanya kita melihat dan meneliti potensi jentera moden yang lebih efisien digunakan pada, diguna pakai dalam kerja-kerja pemeliharaan seperti membersihkan longkang-longkang, memotong pokok kayu, memotong rumput dan seumpamanya. Kejadian banjir kilat sememangnya sering terjadi di mana-mana, yang mengakibatkan kerosakan harta benda dan menjelaskan aktiviti sehari-hari.

"Apa yang sering berlaku apabila berlaku banjir kilat, tindakan awal kerja-kerja pembersihan longkang perlu dilaksanakan. Budaya kerja baru bertindak bukanlah sesuatu rangka kerja kemas malahan ia juga merugikan orang ramai.

"Kaola mengharapkan agar setiap pihak yang terlibat hendaklah merangka pelan-

pelan strategik di dalam menangani isu bencana alam dengan menyediakan peruntukan yang sesuai ke arah transformasi kerja yang lebih bersistematis," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga menyambut baik inisiatif kerajaan ke arah menangani bencana alam dengan memperkenalkan projek mitigasi dengan peruntukan sejumlah BND25 juta bagi meningkatkan sistem saliran dan membina infrastruktur kawalan banjir.

Di dalam fokus kedua belanjawan memupuk pelbagai ekonomi yang mampu, Yang Berhormat menyambut baik usaha-usaha kerajaan ke arah menjalankan kerjasama padu dengan pihak swasta.

Ini termasuklah melalui syarikat-syarikat pemprosesan dan kilang makanan. Dengan pencapaian ini, Yang Berhormat berharap Negara Brunei Darussalam akan menjadi pilihan utama pengeluaran utama makanan halal terbaik.

Selain itu, usaha-usaha bagi mengurangkan jurang di antara sektor kerajaan dan swasta serta memahami cabaran perniagaan melalui langkah-langkah strategik seperti sesi dialog oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei pada 12 Disember 2024 yang diwakili oleh 26 wakil daripada sektor swasta di kalangan komuniti peniaga Daerah Belait adalah perlu diteruskan bersama

ahli-ahli perniagaan tempatan di daerah-daerah lain.

Menurut Yang Berhormat, langkah ini merupakan satu cara yang terbaik bagi memastikan projek-projek dan program-program yang dirancang mendapat manfaat kepada golongan sasaran.

Ini tambah Yang Berhormat, termasuk mengenal pasti isu-isu permasalahan dan perniagaan dan keperluan prasarana, pasti isu-isu masalah dalam perniagaan dan keperluan prasarana ekosistem perniagaan yang inklusif seperti isu memilih tapak-tapak perniagaan untuk perniagaan bumiputera yang lebih sesuai dan strategik untuk dikunjungi oleh orang ramai. Di dalam skop pembangunan infrastruktur asas melalui perbelanjaan berulang-ulang kerajaan memperuntukkan sejumlah BND153 juta.

Dengan peruntukan yang disediakan ini, Yang Berhormat mengharapkan agar rakyat akan sentiasa menerima kemudahan asas yang mencukupi dan sempurna, isu gangguan bekalan elektrik dapat dikurangkan, sumber air bersih terus dinikmati untuk keperluan harian dan kualiti jalan raya sama ada di kawasan bandar maupun luar bandar sentiasa berada di tahap yang selamat dan baik.

Yang Berhormat mengakhiri sesi perbahasan dengan menyambut baik belanjawan perbelanjaan ini dan memohon untuk menyokong.



MESUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESUARATAN KE-21 MAJLIS MESUARAT NEGARA

KUALITI PERKHIDMATAN HAJI PERLU DIUTAMAKAN

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Pada persidangan hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan pada tahun 2024 sebuah Jawatankuasa Ad Hoc bagi meneliti cadangan-cadangan yang disuarakan oleh syarikat-syarikat pengendali Paket Haji telah dibentuk bahkan cadangan-cadangan itu ada dibawa ke dewan ini dan dibawa juga dalam perundingan-perundingan di peringkat kementerian.

Jawatankuasa Ad Hoc itu, jelas Yang Berhormat, adalah bertujuan bagi meneliti sehalus-halusnya harga Paket Haji dan meneliti Paket Haji secara menyeluruh.

Tujuan yang kedua, tambah Yang Berhormat, adalah mencari kaedah bagi menangani kenaikan bahan harga Paket Haji yang boleh meringankan beban kewangan bakal jemaah haji tetapi dalam masa yang sama masih tetap mengekalkan

perkhidmatan Paket Haji yang terbaik untuk jemaah haji Negara Brunei Darussalam.

"Dasar yang berjalan pada masa ini menghendaki lokasi hotel-hotel penginapan berada di dalam kawasan pusat iaitu sekitar 1 kilometer dari Masjidilharam di Mekah dan dari Masjid Nabawi di Madinah.

"Dasar ini adalah mengambil kira untuk pertama sekali dari segi kemudahan untuk bahagian perubatan mengendalikan apa namanya tu perkhidmatan perubatan kepada jemaah-jemaah dan yang selebihnya itu adalah untuk memudahkan jemaah berulang alik setiap waktu sembahyang ke Masjidilharam dan juga di Madinah ke Masjid Nabawi.

"Jadi, dua perkara itu yang diambil kira dalam perkara yang selalu *kitani* amalkan sebagai dasar jemaah haji bagi Brunei," ujar Yang Berhormat semasa menjawab cadangan Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengenai pakej tambahan dengan kos lebih rendah iaitu mengenai hal ehwal haji.

Perlu juga difahami bahawa dasar kerajaan pada masa ini, sebagaimana Yang Berhormat nyatakan adalah supaya kualiti

perkhidmatan haji perlu diutamakan dan dikekalkan.

Matlamatnya ujar Yang Berhormat lagi adalah bagi menjaga kesejahteraan jemaah haji bahkan juga keselamatannya dan ini adalah berdasarkan pengalaman beberapa tahun yang lalu yang mana jemaah menghadapi masalah-masalah semasa menunaikan fardu haji.

Jelas Yang Berhormat lagi, masalah-masalah itu setelah dikenal pasti ialah kerana kita mengikut sekadar apa yang ada, jadi akhirnya perkara-perkara itu menimbulkan perkara yang agaknya yang tidak baik kepada jemaah-jemaah bahkan juga memberikan imej yang kurang baik kepada negara kita. Jadi, kerana itulah dasar telah dibuat sedemikian setakat sekarang ini berjalan dengan baik.

Menyentuh mengenai operasi-operasi haji yang berpendapat boleh mengurangkan perbelanjaan bebanan yang sekarang ditanggung oleh jemaah-jemaah haji, kos naik haji itu terlalu mahal, Yang Berhormat berkata ia boleh mengurangkan dengan penginapan di hotel yang jauh di luar daripada 1 kilometer dan juga hotel-hotel bukan setaraf hotel yang berdekatan yang dipakai pada masa ini.

Yang kedua, tambah Yang Berhormat mengikut laporan dari segi jemaah-jemaah pada tahun

ini bersedia untuk mengorbankan keselesaan mereka. Namun dari segi kerajaan melihat kepentingan itu dengan mengambil kira dari segi keselesaan yang sebenarnya benarnya dan juga kesejahteraan serta keselamat terutama dalam perubatan-perubatan dan sebagainya.

"Maka, setakat itu telah dibuat kaji selidik Yang Berhormat Yang Di-Pertua, tahun lepas dan tahun sebelumnya menunjukkan bahawa kaji selidik kepada jemaah, sejauh mana kaji selidik *ani reliable* atau macam mana tetapi kenyataannya hasilnya ialah lebih 80 peratus hampir 90 peratus mengatakan berpuas hati dengan apa yang dinikmati ataupun dialami semasa menunaikan haji dengan kos yang telah mereka bayar dan tanggung itu.

"Selebihnya, katalah 12 peratus ke 15 peratus menyatakan belum apa ni menyatakan tidak berpuas hati. Tidak berpuas hati itu ada dua, mungkin tidak berpuas hati kerana tidak selaras dengan harga yang dibayar. Jadi, apa yang dijangkakan lebih selesa tetapi tidak selesa. Ataupun, tidak berpuas hati memadailah kalau macam *ani baikta kitani* ikut pakej-pakej murah sahaja, boleh jadi sedemikianlah. Tetapi yang pasti lebih 80 peratus adalah berpuas hati Yang Berhormat Yang Di-Pertua," terang Yang



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Berhormat.

Jadi ujar Yang Berhormat untuk pada masa ini sebagai langkah ke hadapan, apa yang akan dibuat oleh kementerian, terutama sekali kerajaan kerana dalam perkara haji ini banyak agensi-agensi yang terlibat. Jadi, kerajaan dalam erti katanya dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat lagi, setakat ini ialah sebagai langkah ke hadapan, langkah-langkah peningkatan terus perlu dilaksanakan iaitu melalui soal selidik secara berkala untuk mendapatkan maklum balas dan menyesuaikan perkhidmatan dengan keperluan jemaah

Peruntukan Belanjawan Negara dimanfaatkan sejajar tujuan, matlamat negara



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Ahli Yang Dilantik, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai berharap jumlah peruntukan sebanyak BND6.35 bilion yang disediakan bagi Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025 / 2026, akan dapat dimanfaatkan sejajar dengan tujuan dan matlamat negara.

Semasa mengemukakan pandangan dan cadangan berhubung peruntukan dan dasar kewangan negara, pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesuaratan Ke-21 MMN di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang Berhormat mula-mula menyentuh berkenaan

dengan matlamat pertama, 'Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya'. Berdasarkan statistik prestasi institusi pendidikan tinggi negara, telah mendapat pengiktirafan di peringkat global.

Menurut Yang Berhormat, pengiktirafan ini membuka banyak peluang kepada pelajar-pelajar luar negara untuk memilih Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi melanjutkan pelajaran mereka.

Namun pada itu, Yang Berhormat melahirkan harapan agar satu hari nanti NBD menjadi pusat pendidikan terbaik serantau dengan menyediakan lebih banyak institusi-institusi pendidikan tinggi, bukan hanya dalam kalangan institusi kerajaan tetapi juga dikendalikan oleh pihak swasta.

"Perkara ini penting bagi memberi banyak peluang kepada anak-anak tempatan memilih tempat untuk melanjutkan pelajaran mereka di dalam negara sendiri.

"Bagi merealisasikannya, kaola berpendapat dasar pendidikan negara hendaklah dikemaskinikan mengikut keperluan semasa. Ini termasuklah syarat-syarat permohonan Skim Bantuan atau Pinjaman Pendidikan yang sedia ada.

"Pengiktirafan kelulusan dari institusi swasta bagi mendapatkan sebarang pekerjaan. Selain itu, memperluaskan jalinan kerjasama institusi kerajaan dan swasta

melalui program-program khusus yang lebih sesuai bagi memenuhi kehendak semua golongan.

"Selain daripada itu, penglibatan dan penyertaan penuntut tempatan di dalam pertandingan serantau dan antarabangsa di dalam suatu pertandingan dan pencapaian pendidikan atau kemahiran inovasi, hendaklah dipergiatkan bagi mengenal pasti tahap pencapaian anak-anak tempatan di peringkat global," jelas Yang Berhormat.

Di dalam memperkatakan soal 'Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan', Yang Berhormat menyambut baik usaha kerajaan di dalam memperkenalkan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (Skippa), yang mana seramai 794 perantis sedang menjalani program di kementerian dan jabatan kerajaan.

Melalui skim ini, Yang Berhormat mengharapkan ia dapat melahirkan pegawai-pegawai di kalangan perkhidmatan awam yang terlatih, berwibawa, berintegriti dan mempunyai budi bicara yang tinggi terutama sekali di dalam membuat sebarang keputusan dan apabila menghadapi kerensah orang ramai. Perkara ini penting bagi menjaga nama baik, reputasi dan kewibawaan pihak kerajaan.

"Kaola mengharapkan agar skim yang sama dapat diperluaskan dengan mewujudkan

Oleh : Haja Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

satu Skim Kepimpinan Akar Umbi yang memberi pendedahan kepada tugas dan tanggungjawab Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai usaha ke arah melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkemahiran, berpengalaman dalam kalangan graduan yang terdiri daripada belia-belia," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya juga menyentuh berkenaan dengan pecahan hasil sektor bukan minyak dan gas yang berjumlah yang berjumlah BND102.2 juta pendapatan kewangan negara. Antara yang menyumbang adalah daripada hasil pendapatan sewa dan komersial dari jualan barang dan perkhidmatan yang menyumbang sebanyak BND99.4 juta.

"Kaola menyuarakan berkenaan dengan bangunan-bangunan kerajaan yang disewa untuk kegunaan orang ramai dengan kadar sewa yang terlalu rendah. Ini termasuklah dewan-dewan kerajaan yang disewa bagi majlis perkahwinan."

"Memandangkan permintaan yang tinggi, ada baiknya bangunan-bangunan ini dinaik taraf mengikut perubahan semasa dengan dilengkapi kelengkapan yang baharu yang serba canggih serta setanding

dengan dewan-dewan yang lain di pasaran. Ini termasuklah prasarana-prasarana lain seperti gelanggang sukan, gerai-gerai dan tapak perniagaan.

"Dengan ini, pihak kerajaan dapat mengemaskinikan kadar sewa yang lebih sesuai ke arah menyumbang kepada peningkatan hasil kerajaan," tambah Yang Berhormat.

Berkenaan dengan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12), Yang Berhormat juga menyambut baik usaha dan inisiatif kerajaan ke arah kelestarian alam semula jadi dengan melaksanakan Konsep Bangunan Hijau dengan Harga Rancangan BND51.6 juta. Ini termasuklah projek-projek pemasangan panel solar di 38 buah bumbung bangunan kerajaan.

Yang Berhormat melihat ini adalah merupakan inisiatif yang perlu diteruskan dan diperluaskan skop perlaksanaannya dengan mewujudkan pelan transformasi Nasional Go-Green yang dilaksanakan secara peringkat-peringkat. Ini termasuklah menaik taraf penggunaan tenaga solar di tempat-tempat awam seperti tandas awam dan perhentian bas.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



JPP CATAT PENINGKATAN JUMLAH DOKTOR PERGIGIAN

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan menurut statistik Jabatan Perkhidmatan Pergigian (JPP), jumlah kedatangan pesakit ke

klinik-klinik pergigian kerajaan adalah di antara 150,000 - 162,000 setahun sebelum COVID-19.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat kehadiran pesakit pergigian pada tahun 2024 berkurangan sedikit ke

"KEMENTERIAN Kesihatan melalui JPP sedang giat dalam memastikan penaiktarafan perkhidmatan dan perancangan yang lebih strategik di mana menangani isu-isu sedia ada dalam penyediaan perkhidmatan".



139,885 pesakit. Kadar tempahan untuk perjanjian pergigian melalui BruHealth dianggarkan dalam 90 - 95 peratus namun hanya 85 - 90 peratus yang hadir dan selebihnya gagal untuk hadir. Bilangan slot perjanjian sudah pun ditambah secara beransur-ansur bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk menempah perjanjian.

"Perkhidmatan Pergigian Sekolah sudah pun beroperasi sebanyak 43 klinik pergigian di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Perkhidmatan Pergigian Sekolah ini telah pun dilaratkan ke sekolah menengah yang dikendalikan oleh pegawai pergigian dan dimulakan di Sekolah Menengah Chung Hwa yang menyediakan dua kerusi pergigian.

"InsyaAllah inisiatif ini akan diperluaskan ke sekolah-sekolah menengah lain di seluruh Brunei," ujar Yang Berhormat bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Majlis

Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat berhubung dengan rancangan penambahan kapasiti perkhidmatan pergigian pada persidangan hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut statistik JPP pada tahun 2016, kongsi Yang Berhormat, Brunei mencatatkan 105 doktor pergigian manakala pada tahun lepas ia mencatatkan peningkatan kepada 138 doktor pergigian di seluruh negara.

Daripada jumlah ini jelas Yang Berhormat lagi, 105 doktor pergigian berkhidmat di dalam penjagaan kesihatan mulut asasi merangkumi Kementerian Kesihatan, sektor swasta dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di mana 33 doktor pergigian bertugas di bahagian pakar dan seramai 21 doktor gigi pakar adalah tenaga tempatan. Dari segi akses kepada perkhidmatan pergigian, nisbah doktor gigi dalam penjagaan kesihatan mulut asasi pada penduduk seramai 450,500 orang ialah 1:4,290.

"Kementerian Kesihatan melalui JPP sedang giat dalam memastikan penaiktarafan perkhidmatan dan perancangan yang lebih strategik di mana menangani isu-isu sedia ada



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada persidangan berkenaan.

dalam penyediaan perkhidmatan.

"Antara lain adalah dalam program-program asas dan *upskilling* pegawai-pegawai dan kakitangan untuk memastikan perkhidmatan pergigian yang selamat dan berkualiti termasuk penghantaran pegawai-pegawai pergigian ke luar negara untuk menjalani kursus latihan kepakaran lanjutan or *advance specialty training*," terang Yang Berhormat.

Manakala tambah Yang Berhormat, rancangan untuk menaik taraf dari segi teknologi pergigian juga diambil kira dengan adanya penggunaan Sistem Computer Aided Design and Computer Aided Manufacture, CAD CAM di bahagian makmal pergigian bagi pembuatan aplians pergigian secara digital.

Teknologi ini jelas Yang Berhormat dapat mengurangkan beberapa prosedur konvensional dan menggunakan bahan khas dengan ketahanan yang lebih baik. Dengan adanya teknologi ini, diharap akan dapat membantu menghasilkan prostesis pergigian dengan lebih efisien, berkualiti dan kos efektif.

Data PISA jadi satu penanda aras dalam pendidikan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menggariskan pencapaian literasi dan numerasi pelajar di peringkat rendah adalah meningkat dari tahun ke tahun dan peningkatan ini juga dapat dilihat dalam keputusan Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (Programme for International Student Assessment - PISA) 2022.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyatakan perkara tersebut berhubung isu yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Haji Sheikh Haji Abd. Salam mengenai pencapaian menengah 'O' Level tidak dapat diterjemahkan sejajar dengan pencapaian cemerlang di sekolah rendah pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis diajukan oleh Ahli MMN, di sini.

Menurut Yang Berhormat, PISA adalah ujian penilaian antarabangsa yang ditujukan kepada pelajar berumur 15 tahun. Negara Brunei Darussalam telah ikut serta dalam PISA mulai tahun 2018.

Tetapi sebelum itu terangnya, pada tahun 2016, seramai 2616 pelajar telah menduduki Ujian PISA-Based Test for Schools sebagai persediaan awal bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) menduduki PISA 2018.

Analisa daripada ujian ini, kata Yang Berhormat, telah memberikan satu gambaran mengenai tahap pencapaian pelajar kita.

Alhamdulillah ucapnya, pencapaian pelajar telah meningkat dalam PISA 2018

berbanding 2016 dan oleh kerana PISA 2018 adalah pertama kali NBD mengikuti PISA, data tersebut telah menjadi satu penanda aras.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan PISA 2022 telah menyaksikan sekali lagi pencapaian pelajar meningkat dengan ketara dan signifikan berbanding PISA 2018, dengan peningkatan sebanyak 12 skor dalam matematik, 21 skor dalam membaca dan 215 skor dalam sains. Namun, walaupun pencapaian sudah meningkat, pencapaian pelajar kita masih lagi di bawah purata negara-negara OECD.

"Ertinya kita bermula pada paras rendah. Kementerian Pendidikan telah membuat beberapa kajian, termasuklah membuat satu *scatterplot* mengenai pencapaian pelajar dalam PISA 2022 dan peratus pelajar yang mendapat kredit dalam domain berkaitan," ujar Yang Berhormat.

Hasil kajian menunjukkan korelasi antara pencapaian sekolah dalam PISA dan 'O' Level

menurutnya, adalah sangat lemah. Ini bermaksud seolah-olah sekolah yang berpencapaian tinggi di PISA tidak semestinya akan memperoleh peratus pelajar yang ramai mendapat kredit dalam mata pelajaran tersebut.

Walau bagaimanapun katanya, data ini adalah data sekolah dan bukannya data individu pelajar. Ia menjadikan cabaran kepada kajian ini. Secara logik, pencapaian pelajar sepatutnya adalah seimbang dalam mana-mana juga penilaian seperti PISA dan 'O' Level.

"Peperiksaan 'O' Level menilai prestasi pelajar kita tetapi penilaian PISA dapat membantu menilai sistem Pendidikan kita dengan adanya tambahan soal kaji selidik bagi pelajar, sekolah, guru-guru dan ibu bapa. Walau bagaimanapun, kajian ini masih belum conclusive. Ini adalah kerana pencapaian pelajar kita masih belum menghampiri purata OECD.

"Oleh yang demikian, kita mesti merapatkan jurang pencapaian pelajar terlebih dahulu,



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

sekurang-kurangnya ke tahap purata OECD, barulah kita akan dapat meningkatkan peratus pelajar kita berjaya dalam Peperiksaan 'O' Level," tambah Yang Berhormat lagi.



MESUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESUARATAN KE-21 MAJLIS MESUARAT NEGARA

PERKUKUH SISTEM PENDIDIKAN NEGARA DEMI PENCAPAIAN PELAJAR



YANG Berhormat Menteri
Pendidikan.

sejajar dengan pencapaian cemerlang di sekolah rendah.

Yang Berhormat menjelaskan, antara usaha yang dilakukan ialah melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum yang sedang dalam proses menyemak semula (mereview) kurikulum dan membangunkan piawaian (*standard*) bagi mata pelajaran teras (Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan MIB) termasuk Literasi Digital yang mana usaha ini bertujuan bagi memastikan kurikulum yang berkualiti, selaras dengan perkembangan global serta relevan dengan keperluan negara dan piawaian antarabangsa.

Jabatan Peperiksaan turut memperkuuh kualiti penilaian pelajar dengan mengadaptasi pendekatan penilaian berdasarkan kompetensi (*competency-based assessment*) dan penilaian berdasarkan kandungan (*content-based assessment*) yang mana langkah ini bertujuan untuk menilai tahap penguasaan pelajar secara lebih holistik, khususnya dalam bidang literasi dan numerasi di samping mengukur kecekapan kemahiran-kemahiran abad ke-21.

Sementara itu, Program-program Intervensi (Intervention Programmes) : Pelaksanaan kelas bimbingan dan tambahan bagi membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

dari aspek akademik serta pendedahan kepada teknik menjawab soalan dengan lebih berkesan.

Usaha seterusnya pula ialah Program Sokongan Pembelajaran (Learning Support Programmes) yang mana inisiatif ini bertujuan untuk memberi sokongan fokus kepada pelajar dalam kemahiran asas literasi dan numerasi melalui rangka kerja yang sistematis.

Bagi Pemantapan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pula, tenaga pengajar menerapkan kaedah Differentiated Teaching and Learning dengan menyesuaikan pengajaran mengikut keupayaan pelajar. Di samping penggunaan platform digital, pembelajaran interaktif dan Kecerdasan Buatan (AI) juga digunakan bagi membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

Dalam pada itu, Program-program Bimbingan dan Kaunseling Akademik bertujuan untuk membimbang dan membantu pelajar dalam motivasi, teknik belajar dan pengurusan masa agar mereka lebih bersedia dan yakin menghadapi peperiksaan.

Program Pembelajaran Membaca Renaissance melibatkan 4,504 pelajar (2,018 pelajar sekolah rendah dan 2,008 pelajar sekolah menengah) yang mana pada tahun pertama ia diperkenalkan, sebanyak 6,847 jam telah diluangkan oleh

pelajar-pelajar untuk bacaan menggunakan perpustakaan digital *my own*.

Manakala Program Pembelajaran Numerasi Renaissance melibatkan 883 pelajar (501 pelajar sekolah rendah dan 331 pelajar sekolah menengah).

Menurut Yang Berhormat lagi, Partner Schools Program merupakan platform bagi beberapa buah sekolah terpilih berkolaborasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan di bawah Kementerian Pendidikan dalam mendapatkan dukungan sesuai dengan keperluan sekolah-sekolah tersebut.

"Reading Program A-Z bagi Pelajar Tahun 7 - Tahun 11 bertujuan bagi mengukuhkan kompetensi tahap bacaan pelajar dan seterusnya mencapai skor Lexile mengikut setiap peringkat persekolahan.

Program Read Theory adalah program nilai tambah bagi meningkatkan pembacaan pelajar yang telah mencapai skor yang mana ia dilaksanakan di semua sekolah menengah terutama bagi pelajar dalam Kelas Science, di samping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam penggunaan ICT," tambah Yang Berhormat.

Usaha lain yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan ialah Program PEKA (Peningkatan Kemahiran Asas) bertujuan bagi

membantu pelajar-pelajar Tahun 7 yang berada dalam Program Specialised Applied dan Pra-Vokasional meningkatkan kemahiran asas literasi dan numerasi. Ini bagi membolehkan pelajar mengikuti mata pelajaran yang menjurus kepada kemahiran hidup (*living skills*) dan persediaan bagi mengikuti kursus-kursus di Pusat Pembangunan Belia, IBTE dan agensi-agensi yang bersesuaian dengan kemampuan mereka

dan Program Pengasramaan, Program Riayah Wa Mahabbah iaitu program bagi memastikan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang menghadapi cabaran untuk hadir ke sekolah disebabkan pelbagai isu ditempatkan di asrama Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Yang Berhormat yakin, ke arah memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, kemahiran guru akan terus dipertingkatkan melalui pelaksanaan program-program pembangunan profesional yang berterusan.

"InsyaAllah, Kementerian Pendidikan akan sentiasa komited dan meningkatkan usaha untuk memperkuuh sistem pendidikan negara demi memastikan peningkatan berterusan dalam pencapaian pelajar," ujarnya.

Seiring dengan itu tambahnya lagi, kerjasama padu daripada semua pihak, termasuk sektor swasta, ibu bapa, dan masyarakat, amatlah diharapkan untuk bersama-sama mencapai matlamat ini.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 5 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menegaskan beberapa usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan lagi pencapaian pelajar.

Perkara tersebut dinyatakan demikian pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis berkaitan dengan pertanyaan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Haji Sheikh Haji Abd. Salam mengenai pencapaian menengah 'O' Level tidak dapat diterjemahkan

menyambut baik usaha Kementerian Pendidikan dalam pembangunan modal insan bagi sektor hijau.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan peningkatan infrastruktur hijau di institusi pendidikan akan dipertingkatkan dengan penggunaan teknologi hijau seperti tenaga suria, sistem pengumpulan air hujan dan reka bentuk bangunan cekap tenaga secara berfasa.

Langkah ini bukan sahaja mengurangkan jejak karbon katanya tetapi juga berperanan sebagai platform pembelajaran langsung kepada pelajar mengenai teknologi mampang.

Menurut Yang Berhormat, operasi sekolah dan institusi pendidikan yang mesra alam. Institusi pendidikan akan melaksanakan operasi hijau melalui dasar kitar semula, pengurangan plastik sekali guna dan konsep Zero Waste.

Oleh itu, ujarnya, langkah penjimat tenaga dan air seperti penggunaan lampu cekap tenaga, sensor automatik serta sistem pengumpulan air hujan akan diperkenalkan.

"Sekolah juga digalakkan menerapkan konsep kampus hijau dengan taman pembelajaran ekologi bagi pembelajaran interaktif. Inisiatif ini bertujuan menanam budaya hijau dan menjadikan sekolah sebagai model kelestarian untuk masyarakat.

"Penglibatan komuniti dalam inisiatif kelestarian bagi memastikan usaha pendidikan hijau tidak terhad kepada bilik darjah sahaja tetapi turut melibatkan masyarakat secara menyeluruh, kerjasama dengan ibu bapa, NGO dan pihak industri akan diperkuuhkan melalui program seperti kempen kesedaran komuniti, pertandingan inovasi hijau bagi menggalakkan kreativiti serta penyelesaian lestari dalam kalangan pelajar, dan inisiatif lain yang menyokong kelestarian," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan peningkatan penyelidikan dalam teknologi hijau. Institusi pengajian tinggi akan digalakkan untuk memfokuskan penyelidikan kepada teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui serta

memperkuuh kerjasama dengan industri bagi mengaplikasikan hasil penyelidikan dalam sektor ekonomi hijau.

Langkah ini, terang Yang Berhormat, berpotensi mencetuskan inovasi yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mampang di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai pembangunan Laluan Kerjaya Hijau (Green Career Pathway) untuk memastikan tenaga kerja negara bersedia menghadapi peralihan ke ekonomi hijau, institusi TVET dan pengajian tinggi akan menyediakan laluan kerjaya hijau dengan menawarkan kursus dan latihan berkaitan tenaga hijau, pengurusan alam sekitar serta industri hijau.

"InsyaAllah, dengan adanya pelan ini, ia diharapkan dapat meningkatkan daya saing negara melalui pendidikan hijau yang akan melahirkan pelajar dengan kemahiran relevan untuk sektor ini."

"Secara tidak langsung, komitmen terhadap kelestarian dapat menarik pelabur dan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate and Piasau-Piasau.

syarikat global kerana ia meningkatkan reputasi NBD sebagai negara yang proaktif dalam kelestarian serta menarik ekopelancongan dan kerjasama antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Tambahnya lagi, penyelidikan dalam teknologi hijau juga berpotensi mencipta peluang ekonomi baharu yang akan menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan negara.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



Manfaatkan teknologi untuk kaji trend perniagaan

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI) seperti ChatGPT, DeepSeek dan sebagainya untuk membuat analisis data pasaran secara *real time*.

Demikian yang dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada persidangan hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini bagi menjawab soalan-soalan

yang diajukan oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat menjelaskan usaha-usaha untuk membantu perniagaan tempatan untuk memahami tren pengguna dan peraturan perniagaan luar negara yang mana pada setiap tahun pelbagai ekspo dalam dan luar negara seperti China-ASEAN Expo ataupun CAEXPO dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei serta beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi membuka peluang pasaran kepada perniagaan tempatan.

"Salah satu acara tahunan utama ialah Pesta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Negara Brunei Darussalam (Brunei MSME Festival) yang diperkenalkan sejak 2019. Pada tahun ini, Brunei MSME Festival akan berlangsung pada 13 hingga 16 Mac di Setia Point Shopping Mall, mengumpulkan

186 penyertaan MSMEs merangkumi berbagai sektor seperti F&B, fesyen, kecantikan dan perkhidmatan.

"Sebagai tambahan, dalam acara tahunan tersebut terdapat program *hosted buyer* iaitu inisiatif *business matching* yang pada tahun ini akan menemukau perniagaan tempatan dengan empat pembeli dari tiga buah syarikat dari Singapura dan satu syarikat dari Malaysia bagi meneroka peluang ekspo," terang Yang Berhormat.

Selain mempromosikan produk tempatan ke pasaran domestik dan antarabangsa, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjelaskan bahawa pihak kerajaan juga telah mengundang banyak pembeli luar negara untuk menggalakkan interaksi dan dialog antara mereka dan perniagaan *kitani*, terutama bagi perniagaan tempatan yang sudah bersedia dengan produk mereka untuk dieksport ke pasaran luar negara.

Yang Berhormat juga

mengongsikan, terdapat juga Brunei Mentor for Entrepreneurs Network, Program Elevate, Youth Entrepreneurship Eco System, I-Usahawan dan DARe LINKS yang disediakan bagi meningkatkan kemahiran usahawan, pemasaran, pensijilan antarabangsa dan juga mengongsikan mengenai persekitaran perniagaan dan dasar perniagaan di dalam negara dan pasaran antarabangsa.

Dengan terhadnya *variety* dan jumlah produk yang sedia ada untuk dieksport ke pasaran luar negara hari ini, pihak kerajaan belum melihat ada keperluan untuk menubuhkan pejabat-pejabat tetap di luar negara pada peringkat ini.

Selain itu, Yang Berhormat turut mengongsikan the Brunei National Chamber of Commerce and Industry adalah satu lagi sumber perniagaan *kitani* yang boleh dihubungi memandangkan mereka menghadiri beberapa anjuran persidangan dan dialog perniagaan di dalam dan luar negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Perniagaan-perniagaan diseru untuk lebih inovatif dan bijak untuk mengakses, mendapatkan maklumat mengenai trend melalui bahan penyelidikan yang banyak tersedia di internet atau menggunakan pakai landasan

SISTEM CUKAI BANGUNAN MEMANTAPKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN CUKAI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi

Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis merujuk kepada perbahasan berkaitan dengan kaedah *property tax* bandaran untuk dikaji semula.

Yang Berhormat mengongsikan bahawa pada tahun 2011/2012,

dua kajian berkenaan dengan Cukai Bangunan telah dibuat oleh pakar penaksiran dari Malaysia yang telah menghasilkan dua buku panduan iaitu Buku Panduan Proses Tuntutan dan Kutipan Cukai Bangunan dan Buku Panduan Proses Penilaian dan Penaksiran Cukai Bangunan. Kajian - kajian tersebut menghasilkan tiga kaedah penilaian hal tanah yang digunakan iaitu kaedah perbandingan,

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kanan). Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada persidangan berkenaan.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

kaedah pendapatan dan kaedah kos yang selaras dengan amalan negara jiran seperti Malaysia dan Singapura.

Sehingga penghujung tahun 2024 jelas Yang Berhormat, jumlah tunggakan Cukai Bangunan adalah sebanyak BND26,592,731.65 juta yang melibatkan sebanyak 5,639 akaun sehingga Disember 2024.

"Jabatan Bandaran juga telah berjaya mengutip sebanyak BND5,942,486.71 juta. Sebanyak 817 akaun dengan tunggakan sejumlah BND13,179,617.45 juta telah dihadapkan ke Pejabat Peguam Negara untuk tindakan undang-undang yang mana daripada jumlah tersebut sebanyak 343 akaun telah menerima surat tuntutan iaitu *letter of demand* yang dikeluarkan oleh pihak Peguam Negara bagi menuntut pembayaran tunggakan," jelas Yang Berhormat.

Untuk meningkatkan keberkesanan dan *efficiency* dalam pengurusan cukai, Yang Berhormat menyatakan kementerian akan

memperkenalkan Sistem Cukai Bangunan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Tambahnya, sistem ini nanti akan memudahkan penyelaras, pemantauan dan pembayaran Cukai Bangunan serta dapat memperbaiki dan mengemas kini proses yang sedia ada. Dengan adanya perkongsian dan pengesahan data dan maklumat yang lebih berstruktur dan dengan pihak-pihak yang berkepentingan, setiap bangunan akan mempunyai nombor akaun rujukan masing-masing berdasarkan kepada bangunan yang dikenakan cukai dan pembayaran cukai dan hartanah yang dimiliki.

Majlis Bertadarus di Istana Nurul Iman diteruskan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan bagi malam kelima dengan kehadiran kira-kira 800 orang di dua tempat secara berasingan.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman, di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah diimamkan oleh Awang Mohamad Aizat bin Haji Ahmad dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). Tazkirah bertajuk 'Fadilat Surah Al-Baqarah Ayat 1-5' turut menyerikan lagi acara berkenaan, masing-masing disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiyah (PDI), Awang Muhammad Salihan bin Samra di ruangan jemaah selakai, manakala Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Daerah Temburong, PDI, Dayang Nurul 'Ain binti Mohd.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz dan



Redzuan@Jasmona anak Janteang pula di ruangan jemaah perempuan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pertahanan serta pegawai dan guru ugama Jabatan Pengajian Islam (JPI).

SUASANA majlis yang berlangsung di Surau, Istana Nurul (kiri dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MAJLIS BERTADARUS, TAHLIL ANJURAN KEMENTERIAN KESIHATAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus Al-Quran (Juzuk 1-6) dan diselajurkan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim (atas, atas kanan dan bawah kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Khamis, 6 Mac. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran (Juzuk 1-6) yang diselajurkan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan pada tahun ini.

Majlis diadakan di Surau As-Salam, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), petang tadi.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin

Haji Jaafar hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Terlebih dahulu sebelum majlis bermula, telah diadakan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan kemudian acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan Majlis Bertadarus serta Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Awang Muhammad Jasrin Farhandy bin Abdullah Jasni.

Sementara bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Muhammad Danish Firdaus bin Amin.



binti Haji Gharif, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran

Haji Yusoff, ketua-ketua jabatan, beserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Kementerian Pertahanan anjur Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan



RIMBA, Jumaat, 7 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali peringkat Kementerian Pertahanan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 telah diadakan secara serentak di kesemua surau di perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) termasuk Masjid Pulau Baru-Baru dengan tumpuan utama diadakan di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba, pagi tadi.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof. Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa

Eksekutif ABDB serta pegawai-pejawai dan anggota Kementerian Pertahanan.

Turut diundang selaku jemputan khas ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin dan Ketua-ketua Kampung Rimba 2 dan Kampung Rimba 4.

Majlis Khatam Al-Quran tersebut disusuli dengan Doa Khatam Al-Quran dan Dikir Marhaban, seterusnya penyampaian ceramah bertajuk 'Mencapai Cita Negara Berpandukan Al-Quran' oleh Guru Ugama Terlatih JAMA'AT, Pengiran Fakhru Syakirin bin Pengiran Haji Zainuddin dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD.

Majlis yang diadakan pada bulan Ramadan penuh berkah ini

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali peringkat Kementerian Pertahanan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 (atas). Sementara gambar kiri dan bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

bertujuan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 dengan pembacaan Al-Quran, selaras dengan hasrat

menjadikan NBD sebagai Negara Zikir, serta menzahirkan rasa syukur, memohon doa untuk keamanan dan kemakmuran

negara dan mengagungkan kesucian Al-Quran dalam kalangan pegawai-pejawai serta kakitangan Kementerian Pertahanan.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN ADAKAN MAJLIS TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku ketua rombongan Kementerian Pembangunan hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang diadakan di Kubah Makam Diraja.

Kampung Tamoi, Awang Faizal bin Janif / Rosli.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Tahlil dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit di Kementerian Pembangunan, serta pegawai-pejawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis ini merupakan aktiviti keugamaan tahunan yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan bersempena bulan Ramadan.

Oleh : Marlinaawaty Hussin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman

dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Rombongan diketuai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan dihadiri oleh warga Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah,

Kementerian Kewangan dan Ekonomi bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Bertahlil berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi paduka-paduka ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir mengetuai rombongan tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin

Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, berserta pegawai dan kakitangan lelaki yang beragama Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Kilanas, Awang Md. Redzuan bin Haji Marjuki.

Adapun majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian ini serta jabatan-jabatan di dalamnya.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir mengetuai rombongan tersebut pada Majlis Bertahlil berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengarah Lembaga Pengaruh BIBD dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat bersama bagi menyampaikan derma kepada para penerima dan juga wakil penerima (atas dan kanan).

JERUDONG, Rabu, 5 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengadakan Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Kompleks Sukan Jerudong, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama bagi menyampaikan derma ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman yang juga selaku Pengarah Lembaga Pengaruh BIBD dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah An-Nisa, ayat 36 hingga 42 oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Quran

LEBIH 3,000 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN DERMA

Peringkat 'A', dua pelajar cemerlang bagi Peringkat 'O', empat pelajar menerima bagi Peperiksaan STPUB, tiga pelajar menerima bagi Pelajar Cemerlang bagi SPUB, 12 pelajar menerima bagi Peperiksaan SSSRU dan tujuh pelajar menerima bagi Pelajar Cemerlang bagi PSR. Majlis kemudian diikuti dengan penyampaian sampul-sampul derma kepada 3,309 anak yatim yang berdaftar di bawah JAPEM oleh tetamu kehormat bersama.

Daripada jumlah tersebut, seramai 2,165 orang adalah anak yatim yang berdaftar di DBM; 510 orang anak yatim berdaftar di Daerah Tutong, 498 orang anak yatim berdaftar di Daerah Belait dan 136 orang anak yatim yang berdaftar di Daerah Temburong.

Derma yang dihulurkan merupakan sumbangan melalui gabungan Tabung Anak-anak Yatim JAPEM, Tabung Dana Anak Yatim DBM dan sumbangan daripada BIBD pada tahun ini.

Jumlah sumbangan yang dihulurkan melalui Tabung Anak-anak Yatim JAPEM adalah sebanyak BND330,900 manakala Tabung Anak Yatim DBM menyumbangkan sejumlah BND32,475 dan sumbangan daripada BIBD berjumlah BND165,450.

Urus Setia Tabung Anak-anak Yatim sangat mengalui-alukan sumbangan derma daripada orang ramai bagi sama-sama menghulurkan bantuan kewangan kepada anak-anak yatim yang berdaftar di bawah pendaftaran kebangsaan. Sumbangan derma tersebut bolehlah dihulurkan melalui kaedah iaitu menerusi Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, JAPEM, Tingkat 2, Bangunan KKBS semasa waktu pejabat sahaja.

Selain itu, melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) Brunei



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim yang berlangsung selama sembilan bulan mulai 25 Februari 2025 hingga 25 November 2025 dengan menaip YATIM (tanpa jarak) dan diikuti dengan jumlah yang hendak didermakan iaitu, 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100.

Sebagai contoh YATIM20 (bagi derma berjumlah BND20) dan hantar kepada 38111 bagi pelanggan DST dan Progresif dan bagi pelanggan Imagine hantar kepada 39999. Di samping itu, boleh melalui BIBD Online atau memasukkan derma ke nombor akaun 0000-101-004-9034 di bawah nama akaun 'Tabung Anak-anak Yatim'.

Sementara, kaunter-kaunter pendaftaran anak-anak yatim juga turut dibuka selama tiga hari, iaitu 5 Mac 2025, 6 Mac 2025 dan 8 Mac 2025 bertempat di Hab Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi

Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, JAPEM menerusi talian +673 2380704 pada waktu pejabat atau menghubungi Talian Kebajikan 141 atau Talian ANAK 121 pada bila-bila masa.

Mudah-mudahan dengan adanya sumbangan daripada orang ramai akan dapat membantu anak-anak yatim dalam menyambut bulan Syawal selain meraih pahala yang berlipat ganda di bulan Ramadan yang penuh keberkatan sekali gus untuk mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEDN, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Pemangku Pegawai Daerah-daerah, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, wakil BIBD dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat.

PENINGKATAN DRASTIK KADAR OBESITI MEMBIMBANGKAN

- NEGARA Brunei Darussalam mempunyai kadar obesiti yang tertinggi dalam kalangan Negara-negara Asia Tenggara.
- OBESITI juga telah menyumbang kepada 12 peratus kematian akibat penyakit tidak berjangkit di peringkat global.
- OBESITI boleh berpunca daripada beberapa faktor termasuk amalan pemakanan yang tidak sihat, gaya hidup sedentari, tekanan emosi atau kewangan serta gangguan tidur.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Obesiti merupakan penyakit kronik yang kini mencetuskan krisis global dan Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada kesannya.

Laporan Persekutuan Obesiti Sedunia 2024 menunjukkan bahawa kira-kira 3 bilion penduduk di seluruh dunia mengalami masalah berat badan berlebihan atau obesiti ($BMI \geq 25\text{kg}/\text{m}^2$).

Daripada jumlah tersebut, lebih daripada 1 bilion individu kini menghadapi masalah obesiti, termasuk 880 juta orang dewasa serta 159 juta kanak-kanak dan remaja berusia antara 5 hingga 19 tahun.

Demikian yang dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Hari Obesiti Sedunia 2025.

Lebih membimbangkan lagi tegasnya, jumlah tersebut adalah dianggarkan untuk meningkat sebanyak 100 peratus di antara tahun 2020 dan 2035 nanti.

Menurut Yang Berhormat, Hari Obesiti Sedunia disambut pada 4 Mac setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan usaha bersama dalam menangani masalah obesiti.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai tema sambutan pada tahun ini di Negara Brunei Darussalam iaitu 'Transformasi Sistem Ke Arah Kehidupan Lebih Sihat' menekankan kepentingan peranan pelbagai sistem negara dalam memperkuuh usaha pencegahan dan kawalan obesiti demi kesejahteraan masyarakat.

Yang Berhormat menjelaskan, Negara Brunei Darussalam mempunyai kadar obesiti yang tertinggi dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara. Kaji Selidik STEPS Survey (2016) mendapati bahawa 62.8 peratus penduduk dewasa yang berumur 18 tahun ke atas mempunyai berat badan berlebihan dan obesiti ($BMI \geq 25\text{ kg}/\text{m}^2$), di mana 28.2 peratus penduduk dewasa mengalami obesiti ($BMI \geq 30\text{ kg}/\text{m}^2$).

Sementara itu katanya, Kaji Selidik Global School-based Health Survey (2019) melaporkan bahawa kadar obesiti dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun adalah 18.1 peratus, yang mana ia menunjukkan peningkatan berbanding 17.4 peratus pada tahun 2014.

Gambaran peningkatan drastik dalam kadar obesiti termasuk di negara kita ujar Yang Berhormat,

amat membimbangkan kerana obesiti merupakan salah satu faktor risiko utama bagi penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, diabetes, tekanan darah tinggi dan sebagainya.

Yang Berhormat seterusnya menekankan, obesiti juga telah menyumbang kepada 12 peratus kematian akibat penyakit tidak berjangkit di peringkat global. Oleh itu, obesiti kini dikenali sebagai salah satu isu kesihatan awam yang utama, dengan implikasi negatif terhadap kesihatan, produktiviti dan kestabilan ekonomi negara.

"Obesiti boleh berpunca daripada beberapa faktor termasuk amalan pemakanan yang tidak sihat, gaya hidup sedentari, tekanan emosi atau kewangan serta gangguan tidur. Namun,

adalah penting untuk kita memahami bahawa obesiti bukan semata-mata disebabkan oleh tindakan individu sendiri tetapi juga akibat pengaruh daripada ahli keluarga dan juga dari persekitaran sosial dan sistem yang membentuk kehidupan sehari-hari. Ini merangkumi sistem kesihatan, sistem pemakanan serta persekitaran fizikal yang turut memainkan peranan dalam menentukan gaya hidup dan tahap kesihatan seseorang," terangnya.

Oleh yang demikian, ucap Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan ingin menegaskan bahawa tanggungjawab mencegah dan menangani masalah obesiti tidak hanya terletak pada individu tetapi seluruh masyarakat perlu berganding bahu serta meningkatkan usaha dan komitmen dalam pencegahan dan kawalan obesiti di negara ini.

Yang Berhormat seterusnya menekankan, antara inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan serta mempercepatkan usaha dalam menangani masalah obesiti adalah termasuk menubuhkan Jawatankuasa Pandu Obesiti (Obesity Taskforce) di bawah Kementerian Kesihatan pada tahun 2024, yang bertanggungjawab melaksanakan tindakan-tindakan utama untuk memperkuuhkan perkhidmatan kesihatan dalam pencegahan dan kawalan obesiti agar lebih berkesan; Menyediakan khidmat nasihat mengenai obesiti dan kaunseling pemakanan di pusat-pusat kesihatan dan hospital - hospital kerajaan.

Kementerian Kesihatan juga ada menawarkan perkhidmatan Klinik Obesiti (bagi dewasa) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha melalui rujukan dari pusat-pusat kesihatan berdekatan;



OBESITI merupakan salah satu faktor risiko utama bagi penyakit tidak berjangkit.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

Mengukuhkan kerjasama antara pelbagai sektor melalui tindakan yang digariskan di dalam Brunei Darussalam National Multi-sectoral Action Plan for Prevention and Control of Non-Communicable Diseases (BruMAP-NCD) 2021-2025, termasuk langkah-langkah untuk mewujudkan persekitaran pemakanan yang lebih sihat dan kondusif serta menyokong amalan aktiviti fizikal dalam kalangan masyarakat; Melaksanakan tindakan bagi menyokong, mempromosi dan melindungi amalan penyusuan susu ibu serta pemakanan sihat dalam kalangan kanak-kanak;

Memperkuuhkan dasar-dasar dan garis pandu berkaitan dengan persekitaran makanan, termasuk Kod Pemasaran Makanan dan Minuman Yang Berhemah Kepada Kanak-Kanak, cukai ke atas minuman yang mengandungi gula (Sugar-Sweetened Beverages Tax) dan sebagainya; dan Mengadakan kempen media massa dan serta pelbagai aktiviti kesihatan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai obesiti dan kepentingan gaya hidup sihat di pelbagai tempat seperti sekolah, pusat penjagaan kanak-kanak, komuniti dan sebagainya.

Pada akhir perutusan tersebut, Yang Berhormat mengingatkan bersemesta dengan Hari Obesiti Sedunia, mari lah kita bersama-sama meningkatkan usaha dalam mempercepatkan tindakan pencegahan dan pengawalan obesiti. Dengan Izin Allah, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan, akan terus komited dalam menangani masalah obesiti dengan meneliti serta melaksanakan langkah-langkah strategik bagi mewujudkan persekitaran yang lebih sihat demi memastikan kualiti hidup yang lebih baik untuk kita semua, sekali gus menyumbang kepada kemajuan negara kita.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bersatu Mencapai Cita Negara'. Tarikh Tutup : 12 Mac 2025
2. 'Elakkan Pembaziran, Budayakan Amalan Bersederhana'. Tarikh Tutup : 19 Mac 2025
3. 'Mengukuhkan Hubungan Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 26 Mac 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

suruhanjaya kerja awam
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEkosongan Jawatan, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYAR DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
- 2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
- 3. Lengkappkan Profil PSCR 2.0
- 4. Lengkappkan Kelulusan (bermohon pengiktirafan pelajar ketaraung pengiktirafan kelulusan (PMPK) peng berkenaan)
- 5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap
- 6. Tandatangan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 7. Lengkappkan Maklumat Profesional dan kelebihan/kelebihan profesional dan tan-ian yang diperlukan dalam skim iklan

+673 7371961 PSCBN query@spa.gov.bn

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEMBANTU PEGAWAI LUAR KEMAJUAN PERUMANAN D.3-E.B.5 (BAHAGIAN V) JABATAN KEMAJUAN PERUMANAN 2025/FEB/07/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7(A)	12 MAC 2025
2. PENGAWAS MCR C.3-E.B.5 (BAHAGIAN III) JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI 2025/FEB/04/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	12 MAC 2025
3. PEGAWAI PENGURUSAN BENCANA B.2/B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN 2025/FEB/02/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWA DALAM NEGERI	01	7(A)	12 MAC 2025
4. PENGAWAS TINGKAT II D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/FEB/05/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	21	7(A)	12 MAC 2025
5. PEGAWAI TANAH B.2/B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) JABATAN TANAH 2025/JAN/07/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7(A)	12 MAC 2025
6. PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN TINGKAT II C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN 2025/FEB/02/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	03	7(A)	12 MAC 2025
7. PEMBANTU TAKLIMAT D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) JABATAN PENERBANGAN AWAM 2025/FEB/03/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	03	7(A)	12 MAC 2025
8. OPERATOR TELEPRINTER D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) JABATAN PENERBANGAN AWAM 2025/FEB/02/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	12 MAC 2025



Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan : Pengawas Kecil

Tangga Gaji:
E.1-2-3 EB.4 (BND515 - BND875)

Kekosongan:
1 Orang

Menghadapkan Borang Permohonan

Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:
<https://tinyurl.com/PengawasKecilUBD2025>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokument-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap **tidak lewat 20 Mac 2025**.

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:
<https://tinyurl.com/PengawasKecilUBD2025>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokument-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap **tidak lewat 20 Mac 2025**.

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokument-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan

9.	KERANI D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) JABATAN-JABATAN KERAJAAN 2025/FEB/04/JJK	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	65	7(A)	12 MAC 2025
10.	PEMBANTU TEKNIK PELATIH D.1-2 (BAHAGIAN IV) PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MASA MULIA 2025/FEB/01/KKW	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7 (A)	12 MAC 2025
11.	PENGAWAS TINGKAT I D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/FEB/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	04	7 (A)	12 MAC 2025
12.	TUKANG PELAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/FEB/09/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	03	7 (A)	12 MAC 2025
13.	KERANI PENDAFTAR TANAH D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) JABATAN TANAH 2025/FEB/10/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7 (A)	15 MAC 2025
14.	ARKITEK KEINDAHAN ALAM B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI 2025/FEB/12/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7 (A)	15 MAC 2025
15.	PENOLONG PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM TINGKAT II C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN KERJA RAYA 2025/FEB/08/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7 (A)	15 MAC 2025
16.	PEMERIKSA TANAH KANAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN TANAH 2025/FEB/06/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7 (A)	15 MAC 2025
17.	PEMBANTU PENGARANG D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2025/FEB/03/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7 (A)	15 MAC 2025
18.	PEGAWAI BANDARAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) LEMBAGA BANDARAN TUTONG 2025/MAC/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWA DALAM NEGERI	01	7 (A)	15 MAC 2025
19.	PENGUSA PENJARA P.9 (BAHAGIAN II) JABATAN PENJARA 2025/FEB/03/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWA DALAM NEGERI	04	38(B) Luar Bidang	15 MAC 2025

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILAKUKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN.



Jawatan Kosong Sebagai
Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)
Atau
Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)
Atau
Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)

Bagi Daerah Tutong

1. Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong
2. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisi
3. Kampung Merimbun, Mukim Rambai
4. Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Mukim Kiudang
5. Kampung Layong, Mukim Lamunin

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukatanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapat dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Selasa, 8 April 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491 sambungan 110 / 111.



Makluman Iklan Lanjutan

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :

(01) KPN / ABCi / LBD / 5.1 / 2025
Sebut Harga Bagi
Pengendalian Kursus Asas Bagi
Program Pembangunan
Perniagaan Tempatan (LBD)
Di Bawah Autoriti
Kawalan Bangunan
dan Industri Pembinaan,
Kementerian Pembangunan

Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga:

Iasnin,
17 Mac 2025
Jam 9.00 Pag



JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)

Bagi

Daerah Tutong

1. Mukim Rambai

ADALAH dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut ;-

Jawatan :
Pemandu

Tangga Gaji:
F.1-2-3-4-5 EB.6

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

(BND445 - BND790)

Kekosongan:
3 Orang

Jabatan:
Universiti Brunei Darussalam

Menghadapkan Borang Permohonan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
<https://tinyurl.com/PemanduUBD2025>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap **tidak lewat 20 Mac 2025**.

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Selasa, 8 April 2025, jam 4.00 Petang**.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491 sambungan 110 / 111.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV & V Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
19 Mac 2025 (Rabu)

Tarikh Tutup :
25 Mac 2025 (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :

12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 007 / 2025

Nama Projek:
Menaik Taraf Sistem Bekalan Air Bagi Tangki Simpanan Kampung Sungai Tilong, Daerah Brunei dan Muara

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak
Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Secara Terbuka
Bagi Pengendalian Kursus
Modular Dan Signature
Programme
Bagi Tahun Kewangan
2025/2026

1. DA / JKSH / 01 / 2025 / 2026
[HRD-MAC-2025]

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Modular Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :
Microsoft Excel Course
For Beginners
Jumlah Hari Kursus :
Dua (2) Hari

2. DA / JKSH / 02 / 2025 / 2026
[HRD-MAC-2025]

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :
Enhancing Self Leadership
Jumlah Hari Kursus :
Dua (2) Hari

3. DA / JKSH / 03 / 2025 / 2026
[HRD-MAC-2025]

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :

Power Of Negotiation
Jumlah Hari Kursus :
Dua (2) Hari

4. DA / JKSH / 04 / 2025 / 2026
[HRD-MAC-2025]

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Middle Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :
Strategic Leadership
Jumlah Hari Kursus :
Dua (2) Hari

5. DA / JKSH / 05 / 2025 / 2026
[HRD-MAC-2025]

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Middle Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :
Effective Stakeholder
Engagement
Jumlah Hari Kursus :
Dua (2) Hari

6. DA / JKSH / 06 / 2025 / 2026
[HRD-MAC-2025]

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Senior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :
Mentoring And Coaching
Program
Jumlah Hari Kursus :
Tiga (3) Hari

7. DA / JKSH / 07 / 2025 / 2026
[HRD-MAC-2025]

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :
Building Communication

Confidence
Jumlah Hari Kursus :
Dua (2) Hari

8. DA / JKSH / 08 / 2025 / 2026
[HRD-MAC-2025]

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :
Strategic Thinking
Jumlah Hari Kursus :
Dua (2) Hari

9. DA / JKSH / 09 / 2025 / 2026
[HRD-MAC-2025]

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Modular Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :
Microsoft Excel For
Intermediate
Jumlah Hari Kursus :
Dua (2) Hari

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 22 Mac 2025
(Jam 9.00 Paggi)



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

Laksanakan ibadah puasa dengan sempurna



Muslim itu jika dia tidak merebut segala kelebihan dan kebaikan yang terdapat dalam bulan Ramadan yang hanya hadir setahun sekali itu.

Dalam menuaikan ibadah puasa, terdapat sebilangan orang Islam yang kurang peka tentang hukum-hukum puasa ini dan menunaikannya hanya kerana mengikut kebiasaan tanpa menghiraukan dan mengetahui perkara-perkara penting seperti rukun puasa, syarat-syarat wajib puasa, syarat-syarat sah puasa, waktu-waktu berpuasa, perkara-perkara yang membatalkan puasa, perkara-perkara sunat dalam berpuasa, adab ketika berpuasa dan sebagainya kerana untuk mencapai kesempurnaan ibadah puasa itu kita dituntut untuk mengetahui dan memahami tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan puasa ini. Kita tidak mahu puasa yang kita tunaikan hanya mendapat lapor dan dahaga semata-mata. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Bersahurlah kamu, sesungguhnya dalam sahur itu mempunyai berkat". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Bagi mencapai kesempurnaan ibadah puasa, orang yang berpuasa itu adalah dituntut untuk meninggalkan perkara-perkara keji dan sia-sia yang boleh merosakkan ibadah puasa seperti berdusta, mengumpat, berbantahan, bertengkar, mengeji atau mencela, melakukan fitnah atau mengadu domba, memandang sesuatu dengan syahwat, berkata sia-sia dan seumpamanya. Menghindari perkara-perkara ini sebersih-bersihnya mungkin sulit bagi sesetengah orang, maka sekawtu kita terlanjur, segeralah memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, semoga ancaman sebagaimana hadis tadi diangkat oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita bertaubat.

Selain daripada menghindari perkara-

perkara yang merosakkan ibadah puasa, kita juga digalakkan untuk melakukan sebanyak yang mungkin amalan-amalan sunat antaranya amalan bersahur. Ulama sepakat mengatakan bahawa hukum makan sahur adalah sunat. Sahur bukan saja memberikan tenaga untuk kita berpuasa di siang hari malah ia juga mengandungi keberkatan. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Bersahurlah kamu, sesungguhnya dalam sahur itu mempunyai berkat". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Begitu juga pada malam hari di bulan Ramadan, kita dituntut untuk menghidupkan malam-malam Ramadan dengan amalan-amalan sunat seperti Sembahyang Sunat Tarawih, memperbanyak membaca Al-Quran, Sembahyang Tahajud dan bermacam-macam lagi. Walau bagaimanapun, dalam keterjauan kita memperbanyakkan amal ibadah sama ada pada waktu malam ataupun siang, janganlah sampai kita mengabaikan perkara-perkara asasi seperti kerja-kerja pejabat.

Sesungguhnya ibadah puasa itu boleh membentuk kekuatan, kuat berusaha dan kerajinan di dalam perbuatan mahupun pekerjaan dan bukannya kelemahan, kemalasan dan alasan untuk lari daripada tanggungjawab. Memang tidak dinafikan bahawa dengan berpuasa sedikit sebanyak akan mengurangkan tenaga tubuh badan kita disebabkan tidak makan dan minum di siang hari.

Namun begitu, hal ini bukanlah merupakan alasan untuk bersikap tidak produktif, bermalas-malasan dan menghabiskan masa dengan banyak tidur, melakukan aktiviti-aktiviti yang melalaikan dan sia-sia seperti melayari media sosial secara berlebihan, bermain game dan menonton program hiburan sepanjang hari agar tidak terasa lelah menjalani puasa. Luangkan masa untuk menghayati dan menghidupkan bulan Ramadan dengan amalan-amalan yang sepatutnya dilakukan di bulan ini seperti menambah dan

mempertingkatkan amal ibadah, membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berzikir dan memperbanyakkan doa ketika berpuasa kerana Ramadan itu hanya hadir sebagai tetamu, sekali dalam setahun.

Apabila Ramadan tiba, para peniaga akan mengambil peluang untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Islam tidak melarang umatnya berusaha mencari rezeki, bahkan menggalakkan umatnya menceluri bidang perniagaan.

Namun ingatlah di dalam perniagaan ada adab dan batas-batasnya. Jangan kerana berniaga dan ingin mendapatkan keuntungan lebih, seseorang yang sedang berpuasa melakukan kesilapan seperti meninggalkan sembahyang disebabkan terlalu sibuk, bercakap bohong atau menipu demi mlarikan barang jualan.

Sesungguhnya ibadah puasa di bulan Ramadan merupakan salah satu Rukun Islam yang wajib ditunaikan, umat Islam hendaklah menjaga dan memelihara kesempurnaannya agar diterima Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, umat Islam yang berpuasa hendaklah sentiasa berusaha untuk mendapatkan kesempurnaan ini dengan menghindar dan mengelakkan diri daripada melakukan sebarang kesalahan atau kesilapan yang boleh mencacatkan ibadah puasa tersebut.

Akhirnya, mudah-mudahan ibadah puasa yang kita kerjakan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga kita tidak tergolong dalam golongan orang berpuasa yang hanya mendapat lapor dan dahaga sahaja. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan sesiapa yang menghendaki (kebahagiaan hidup) akhirat dan berusaha (mengerjakan amal kebaikan) untuk (tujuan) itu dengan usaha yang bersungguh-sungguh sedang dia beriman maka mereka itulah yang usaha mereka dikurniakan ganjaran yang baik (diberi pahala)". (Surah Al-Isra', ayat 19)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diperpanjang umur dan diberi kesempatan bertemu lagi dengan bulan Ramadan. Bulan Ramadan merupakan bulan yang padanya terdapat limpahan berkat dan rahmat. Segala macam kelebihan dan kebaikan terkumpul dan dilipatgandakan ganjarannya di bulan yang suci lagi mulia ini.

Walaupun kita sentiasa dituntut supaya meningkatkan amal ibadah pada setiap masa, namun Ramadan merupakan bulan yang sangat istimewa dan waktu yang terbaik untuk melipatgandakan amalan yang biasa kita kerjakan di bulan-bulan yang lain. Maka langkah ruginya seorang

Wanita di NBD menunjukkan pencapaian cemerlang

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi menyambut Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac, satu kesempatan bagi menghargai sumbangan dan meraikan pencapaian wanita dan gadis.

Tema tahun ini ialah 'Untuk SEMUA Wanita dan Gadis : Hak. Kesamarataan. Pemerkasaan.' (For ALL Women and Girls : Rights. Equity. Empowerment.) menekankan kepentingan menjamin hak, peluang yang saksama, serta sokongan untuk mencapai potensi sepenuhnya.

Sokongan sedemikian juga mestilah datang daripada dalam keluarga untuk memastikan peranan keluarga seimbang, dan semua wanita diberi peluang dan ruang serta persekitaran yang kondusif untuk berkembang maju, supaya mereka boleh menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara.

Perkara berkenaan dikongsikan dalam perutusan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad sempena Hari Wanita Antarabangsa 2025 yang diraikan pada setiap 8 Mac.

Menurut Yang Berhormat, NBD sentiasa komited dalam perlindungan wanita dan gadis dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan keselamatan, hak, dan kesejahteraan mereka terjamin, termasuk melalui undang-undang dan dasar-dasar yang melindungi wanita daripada keganasan rumah tangga dan penderaan, sambil

memberikan sokongan kepada penglibatan aktif mereka dalam pendidikan, pekerjaan dan kepimpinan.

"Alhamdulillah, hasil Penyelidikan Pembangunan Wanita di NBD telah mengenal pasti beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan berkaitan penyertaan dan pencapaian wanita di negara ini, khususnya dalam bidang pendidikan dan pekerjaan.

"Dalam pendidikan, kadar penyertaan pelajar perempuan di peringkat rendah dan menengah hampir 100 peratus, mencerminkan kejayaan dasar pendidikan wajib dan akses sejagat di negara ini.

"Wanita juga membentuk majoriti graduan di peringkat pengajian tinggi, terutamanya dalam bidang pendidikan, kesihatan dan perniagaan dengan penyertaan yang semakin meluas dalam bidang-bidang teknikal dan ICT," kata Yang Berhormat.

Mengenai dalam pekerjaan, Yang Berhormat mengongsikan penyertaan wanita dalam tenaga kerja juga kekal kukuh, dengan 76 peratus wanita berumur 25 hingga 54 tahun aktif menyumbang kepada ekonomi negara, di samping pencapaian membanggakan sebagai peneraju di peringkat ASEAN dengan 37 peratus jawatan pengurusan disanggah oleh wanita.

Di sektor awam tambah Yang Berhormat lagi, wanita membentuk 56 peratus tenaga kerja, termasuk 65 peratus dalam jawatan pengurusan kanan.

Yang Berhormat dalam perutusannya juga menjelaskan

tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-30 Beijing Declaration and Platform for Action (BPFA) yang bertujuan untuk memajukan hak dan penyertaan wanita dalam semua aspek kehidupan.

Laporan kemajuan NBD bagi BDFA ujar Yang Berhormat, antara lain menunjukkan wanita di negara ini terus menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang kepimpinan dan membuat keputusan yang mana pada 2022, hampir separuh daripada Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap adalah daripada golongan wanita.

"Wanita juga memegang jawatan utama seperti Menteri, Timbalan Menteri, Duta Besar, Ketua Misi, Peguam Negara, Hakim Mahkamah Tinggi dan Ketua Pegawai Eksekutif di sektor awam dan swasta.

"Wanita turut aktif dalam perniagaan dengan sokongan daripada sektor awam dan swasta, terutamanya dalam latihan digital dan kewangan. Data terkini daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi menunjukkan bahawa setakat Februari 2025, seramai 7,630 wanita telah berdaftar di bawah Daftar Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan, manakala sebanyak 15,878 entiti perniagaan dimiliki oleh wanita.

"Meskipun kemajuan yang membanggakan telah tercapai, sokongan berterusan bagi golongan wanita daripada semua pihak masih diperlukan. Antara inisiatif yang terus memperkasa wanita termasuklah Projek IDEAS (Meningkatkan Penyertaan Ekonomi Digital Untuk Wanita ASEAN MSME), satu inisiatif ASEAN yang dibiayai oleh ASEAN-Korea Cooperation Fund

(AKCF) untuk memperkasa usahawan wanita di negara-negara serantau," ujar Yang Berhormat.

Di NBD terang Yang Berhormat, projek tersebut akan dilaksanakan melalui Darussalam Enterprise (DARE) dengan kerjasama salah satu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan akan melatih seramai 242 usahawan wanita dalam 15 kohort dari Jun 2024 hingga Disember 2025, yang mana program latihan akan merangkumi e-Dagang, pemasaran digital, dan pembangunan modal perniagaan.

Tambah Yang Berhormat lagi, Program Academy for Women Entrepreneurs (AWE), yang disokong melalui United States Department of State's Bureau of Educational and Cultural Affairs, terus menyokong usahawan wanita tempatan melalui latihan perniagaan, bimbingan dan rangkaian sokongan. Sejak dilancarkan pada 2021 kata Yang Berhormat, di NBD melalui DARE, seramai 66 usahawan wanita telah menamatkan program ini.

Dalam perutusan, Yang Berhormat juga menjelaskan sebelum menceburi alam pekerjaan, Program 'Bersedialah Wanita' (PREPania), anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) berjaya dijalankan secara konsisten selama empat tahun berturut-turut sejak 2021 kepada graduan Institusi Tinggi Awam dan Swasta (IPTAS).

Adapun tujuan program berkenaan diadakan kata Yang Berhormat, adalah bagi mewujudkan kesedaran tentang kepentingan hak-hak wanita, mempersiapkan diri wanita dan juga lelaki untuk cekal



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perutusan sempena Hari Wanita Antarabangsa 2025.

menghadapi masalah atau musibah dengan lebih berdaya tahan dan memberi pendedahan kepada 'Work-life Harmony'.

"NBD akan terus komited dalam memperkuuh hak, kesaksamaan, dan kesamarataan wanita serta gadis melalui inisiatif nasional, rangka kerja antarabangsa, serta kerjasama bersama rakan strategik.

"Apabila wanita diberi ruang untuk berkembang, ia akan membawa kepada keluarga yang lebih kukuh, masyarakat yang harmoni dan negara sejahtera."

"Akhir kata, diucapkan Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada seluruh kaum wanita di NBD. Didoakan semoga terus maju jaya dalam perpaduan dan membangun masyarakat dan ekonomi demi raja, negara, bangsa dan ugama," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

TADARUS AL-QURAN JPM BUKA TIRAI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

KIUDANG, Khamis, 6 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini membuka tirai Majlis Tadarus sempena Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang, Daerah Tutong, di sini.

Majlis Tadarus berkenaan dikelolakan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Hadir selaku ketua rombongan pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para pegawai serta kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri menyerahkan unit pencetak 3-in-1 kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid (atas), manakala gambar bawah, sekitar majlis tersebut.

Tadarus Al-Quran bermula dari juzuk 1 yang dimulakan oleh ketua rombongan majlis.

Majlis disusuli dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa satu unit wireless microphone dan satu unit pencetak 3-in-1 yang disampaikan oleh Yang Mulia

Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mahri bin Haji Metusin merangkap Ketua Imam masjid berkenaan.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.



12 bulan penjara akibat mencabul kehormatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Hukuman lapan bulan penjara yang dijatuhkan oleh Majistret Kanan dibatalkan setelah gagal untuk menimbangkan faktor-faktor yang memburukkan keadaan.

Kejayaan Pendakwa Raya dalam rayuan terhadap hukuman ke atas seorang warga tempatan berumur 62 tahun, Hapandi bin Tahir (defendant) bagi kesalahan mencabul kehormatan seorang wanita berumur 25 tahun di bawah Bab 354 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 telah digantikan hukuman tersebut menjadi hukuman pemerlukan menjadi 12 bulan.

Semasa rayuan, Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli yang hadir bagi pihak Pendakwa Raya, berhujah bahawa Majistret Kanan gagal untuk menimbangkan faktor-faktor yang memburukkan keadaan, terutama sekali sentuhan yang dibuat berulang kali pada paha dan punggung mangsa.

Mangsa yang bersendirian dan terperangkap di dalam kereta defendant semasa kejadian dilakukan juga turut ditekankan. Pihak Pendakwaan juga menekankan kepada Mahkamah mengenai kemudaran psikologi kepada mangsa yang telah diakibatkan oleh kejadian berkenaan.

Pihak pendakwaan



selanjutnya berhujah bahwa Majistret Kanan telah salah dalam menggunakan pengurangan satu pertiga hukuman, yang lazimnya hanya diberikan kepada defendant yang mengaku bersalah pada kesempatan awal.

Semasa penyampaian penghakiman berkenaan, Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Arif Awang Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli berpendapat bahawa hukuman penjara lapan bulan adalah jelas tidak memadai memandangkan adanya faktor-faktor yang memburukkan lagi keadaan dalam kes berkenaan.

Seterusnya, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman bersetuju dengan pihak Pendakwaan bahawa pemberian satu pertiga pengurangan hukuman kepada defendant adalah salah sepertima yang digunakan oleh Majistret Kanan berkenaan.

Oleh itu, defendant sepatutnya tidak layak untuk diberikan pengurangan hukuman pensabitannya berikut selepas perbicaraan.

UNN
Empowering Digital Society

Kenal pasti kelemahan dalam asset digital awda dengan perkhidmatan **Pentest as a Service (PtaaS)**.

CYBER SECURITY

Jurutera Bertauliah CREST

Aset awda diuji oleh jurutera bertauliah CREST

Pakej Disuai-Padan

Pakej kami direka khas untuk pasaran Brunei

Penilaian Proaktif

Kami mengenal pasti kelemahan dalam peranti yang menghadap ke internet



Lindungi perjalanan digital awda sekarang.
Imbas Kod QR untuk maklumat lanjut.



unn.com.bn



unn.bn



Unified National Networks (UNN)

KHEU BERTADARUS KE MASJID AS-SALAAM, KAMPUNG JUNJONGAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JUNJONGAN, Jumaat, 7 Mac. - Bulan Ramadan Al-Mubarak adalah bulan yang dinanti-nantikan, bulan yang memberi makna yang besar dalam perjalanan hidup seorang Muslim.

Ini kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini.

Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di

bawahan turut meraih kesempatan untuk menambah pahala melalui bertadarus di beberapa buah masjid di negara ini.

Rombongan dari KHEU lewat petang tadi mengadakan Majlis Tadarus di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan yang dikepalai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku tetamu kehormat majlis.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Taddabur Al-Quran oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Acara diteruskan dengan



MAJLIS Tadarus di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan yang dikepalai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis.

Tadarus Al-Quran, disusuli dengan bacaan Tahliil dan Doa Arwah serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad

Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Rombongan Tadarus pegawai dan kakitangan KHEU seterusnya akan mengunjungi Masjid Kampung Telisai, Daerah Tutong pada 10 Mac 2025, jam 5.00 petang.

HALUAN

Pastikan tahap keselamatan sektor pengangkutan, alam siber terjamin dan selamat

bagi mempertingkatkan lagi keselamatan operasi lapangan terbang dan memastikan operasi penerbangan tidak terjejas:

1. Projek bertajuk 'Single Lamp Outdoor System (SLOS) for Airfield Ground Lightings at Brunei International Airport' telah pun siap dilaksanakan pada 2 April 2024.

2. Bagi Projek 'Advanced Lightning Protection System' (ALPS) di mana pemasangan sistem tersebut merupakan salah satu inisiatif pihak DCA dalam mengambil langkah berkesan bagi meningkatkan keberkesaan dalam menghalang pancaran kilat berlaku di sekitar bangunan Terminal di LTAB. Projek dijangka akan siap pada suku kedua tahun ini dan berupaya meningkatkan kebolehpercayaan operasi, keberkesaan peningkatan keselamatan pesawat, kakitangan dan peralatan serta mengurangkan risiko kerosakan disebabkan oleh sambaran kilat pada sistem lapangan terbang.

3. Sejajar juga dengan Strategik Objektif 3 (SO3) iaitu Piawaian Keselamatan dan Sektor-Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi di bawah Pelan Strategik MTIC 2025, projek bertajuk 'Primary Surveillance Radar (PSR) co-mounted with Mode-S Monopulse Secondary Surveillance Radar' (MSSR) sedang dalam pelaksanaan dan insyaAllah dijangka akan siap pada Oktober 2025. Dengan adanya sistem radar ini akan dapat meningkatkan lagi keupayaan pengawalan trafik udara NBD.

Beralih kepada sektor berkaitan infokomunikasi, NBD tidak terkecuali memberikan tumpuan penuh kepada pembangunan teknologi kecerdasan buatan 'Artificial Intelligence-AI). Tidak dapat difikirkan bahawa penggunaan AI adalah pemangkin utama kepada transformasi digital dan telah menarik perhatian orang ramai. Seiring dengan manfaat yang boleh diperoleh daripada kemajuan AI, cabaran-cabaran yang muncul

daripada segi mengadaptasi teknologi ini dan juga penggunaannya perlu ditangani dengan sewajarnya seperti jenayah scammer, deepfake dan sebagainya.

Selain itu, pertumbuhan pesat teknologi AI memerlukan penyediaan rangka kerja kawal selia yang teratur bagi memastikan isu-isu etika penggunaannya. Ke arah itu, kementerian ini melalui Pihak Berkuaesa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI) telah pun menuhubkan Kumpulan Kerja Urustadbir dan Etika Kecerdasan Buatan (Working Group on AI Governance and Ethics) pada bulan Mei 2024. Kumpulan Kerja ini diketuai oleh pihak AITI dengan keahlian yang terdiri wakil-wakil daripada 24 buah pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan, sektor swasta dan institut-institut pengajian tinggi. Melalui Kumpulan Kerja ini untuk menghasilkan satu dokumen Garis Panduan Urus Tadbir dan Etika Kecerdasan Buatan bagi Negara Brunei Darussalam atau Guide on Artificial Intelligence Governance and Ethics for Brunei Darussalam.

Garis panduan tersebut akan membantu dalam mengawal selia dan menangani isu etika penggunaan AI, berikutnya penggunaan alat AI generatif yang semakin meningkat. Garis panduan ini juga berperanan sebagai bahan rujukan asas bagi organisasi mahupun individu dalam membentuk, membangun dan menggunakan AI, dengan mengambil kira kerumitan (complexity) teknologi dan risiko berkaitan sistem AI. Dengan adanya garis panduan ini, diharap ia akan menyokong pelaksanaan dan penggunaan sistem AI yang bertanggungjawab dan beretika, serta membina kepercayaan dalam AI.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, menyentuh mengenai isu-isu keselamatan, kepentingan keselamatan siber terhadap setiap individu juga turut diberikan keutamaan kementerian ini.

Kemajuan pesat teknologi serta penggunaannya bukan hanya banyak memberikan manfaat tetapi juga membuka ruang baharu untuk ancaman dan serangan siber terhadap perlindungan data, privasi dan keperluan keselamatan setiap orang khususnya di NBD. Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35 Tahun 2019, iaitu:

"...keselamatan siber mestilah diberikan perhatian khusus. Negara perlu menangani isu keselamatan siber, kerana kesan negatif siber boleh menyerap ke dalam negara, masyarakat dan keluarga..."

Berhubung dengan ini, pihak Cyber Security Brunei (CSB) selaku agensi yang bertanggungjawab terus giat melaksanakan keperluan yang termaktub di dalam Akta Keselamatan Siber 2023 (Cyber Security Act - CSA 2023) Darussalam bagi memastikan perlaksanaan dan penyelarasan yang lebih menyeluruh dan bersepudu.

Dalam pada itu juga, sebagai inisiatif berterusan yang akan melengkapkan Akta Keselamatan Siber 2023, dengan adanya Perintah Perlindungan Data Peribadi (Personal Data Protection Order - PDPO) Negara Brunei Darussalam nanti akan dapat menyumbang ke arah ekosistem digital yang lebih selamat dan berdaya tahan di NBD.

Berdasarkan kepada perangkaan yang sedia ada, kes berkaitan siber di sepanjang tahun 2024 telah mencatatkan sejumlah 1,364. Dalam hal ini, sebagai usaha berterusan bagi mempertingkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan keselamatan siber serta memahami akan risiko

penggunaan berbagai-bagai platform siber yang tersedia ada dalam talian, pihak CSB telah secara proaktifnya telah mengendalikan pelbagai inisiatif-inisiatif dan kempen-kempen kesedaran awam.

Di sepanjang tahun 2024, sejumlah 112 taklimat dan program kesedaran melalui agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, sekolah-sekolah, komuniti-komuniti, Rampai Pagi dan setiap individu telah dilaksanakan dengan mencatatkan kehadiran kira-kira 9,513 orang. Selain daripada itu, program-program kesedaran dan pembarigan juga secara aktifnya disalurkan melalui media-media sosial CSB seperti Instagram, Facebook dan Twitter.

Dalam usaha memberikan tumpuan yang menyeluruh akan kepentingan keselamatan siber pihak CSB juga amat memberikan perhatian akan tenaga-tenaga pakar yang berkemahiran dalam menangani isu-isu keselamatan siber berkaitan. Pada masa ini, pihak CSB mempunyai seramai 83 orang pakar yang bertanggungjawab dalam Incident Response and Managed Security Services, Digital Forensics, Security Research, Cyber Operations and Intelligence dan juga dalam bidang teknikal lainnya.

Di samping dalam usaha mengukuhkan dan membuka peluang kerjasama dengan agensi berkepentingan di peringkat nasional, pihak CSB juga telah menganjurkan beberapa program dan persidangan di peringkat serantau dan antarabangsa, seperti:

1. 2024 International Telecommunication Union (ITU) Regional Asia Pacific CyberDrill yang telah diadakan pada 19 hingga 21 November 2024;

2. 2nd Brunei Cybersecurity Conference (CySec 2024) yang diadakan pada 18 September 2024.

>> Muka 2

- Jalan-jalan raya di negara ini juga tidak lagi ada yang mempunyai taraf satu bintang, untuk makluman taraf tertinggi adalah lima bintang;

Sebagai langkah ke hadapan (*way forward*), Kumpulan Tindakan Teknikal dan Infrastruktur (KTTI) akan meneliti laporan BrueRAP2 berkenaan dan seterusnya mengenal pasti tindakan-tindakan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di samping memanfaatkan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan program kesedaran, pengurusan kelajuan atau *speed management*, tingkah laku pemandu dan lain-lainnya.

Di bawah sektor pengangkutan laut, Pihak Berkuaesa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD) selaku pihak berkuaesa yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal keselamatan navigasi maritim, telah menubuhkan Maritime Emergency Response Centre (MERC) dengan mewujudkan Talian Kecemasan Hotline 16661 yang telah dilancarkan semasa Minggu Maritim Brunei Darussalam pada 19 November 2024. Talian kecemasan ini adalah merupakan inisiatif bagi memudahkan laporan kecemasan melibatkan sebarang kejadian di perairan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang direka secara *centralized*, berfungsi menangani keperluan kritikal dan sebagai mekanisme penyelarasan bagi tindak balas kecemasan maritim.

Dengan adanya inisiatif ini, akan dapat lagi meningkatkan tahap keselamatan dan masa tindak balas (*response time*), penyelarasan dan kecekapan dalam menguruskan kecemasan secara keseluruhannya. Seterusnya juga akan mengurangkan risiko, melindungi persekitaran maritim dan memastikan kerjasama dengan pihak berkepentingan adalah berkesan selaras dengan pematuhan piawaian keselamatan maritim antarabangsa.

Dalam sektor pengangkutan udara, beberapa projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) telah giat dilaksanakan

Laksanakan Ibadah Puasa Dengan Sempurna

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 6 Ramadhan 1446H/7 Mac 2025M

Bagi mencapai kesempurnaan ibadah puasa, orang yang berpuasa itu adalah dituntut untuk:

Meninggalkan perkara-perkara keji dan sia-sia yang boleh merosakkan ibadah puasa



Menghindari perkara ini sebersih-bersihnya mungkin sulit bagi sesetengah orang, maka sewaktu kita terlanjur, segeralah memohon keampunan kepada Allah SWT

Melakukan sebanyak yang mungkin amalan-amalan sunat



Antaranya ialah amalan bersahur

Menghidupkan malam-malam Ramadhan dengan amalan-amalan sunat



Seperti: Sembahyang Sunat Tarawih, memperbanyak membaca al-Quran, Sembahyang Tahajjud dan bermacam-macam lagi

Mempertingkatkan amal ibadah, membaca ayat-ayat suci al-Quran, berzikir dan memperbanyak doa ketika berpuasa

Berniaga di bulan Ramadhan



Jangan kerana berniaga dan ingin mendapatkan keuntungan lebih, seseorang yang sedang berpuasa melakukan kesilapan seperti:

- ✗ Meninggalkan sembahyang disebabkan terlalu sibuk
- ✗ Bercakap bohong/menipu demi melariskan barang jualan

TADARUS AL-QURAN KHEDN SEMARAKKAN RAMADAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Khamis, 6 Mac. - Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Tahun 1446 Hijrah /2025 Masihi di Daerah Tutong telah diadakan pada hari ini, bertempat di Masjid Kampung Penapar, Mukim Tanjong Maya, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis

ANTARA yang hadir pada Majlis Tadarus Al-Quran bulan Ramadan.

Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Tutong berserta penduduk kampung sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan diteruskan dengan Tadarus Al-Quran.

Tadarus dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis. Manakala, bacaan Tahlil serta Doa Selamat dipimpin oleh Bilal Tingkat II, masjid berkenaan, Awang Muhammad Nur Hamizan bin Haji Yakub.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan wakaf yang



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis.

disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis berkenaan bertujuan untuk menjalin hubungan yang erat dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya berserta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pemimpin akar umbi serta menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan.



Suntik semangat patriotisme, sifat perpaduan

Siaran Akbar : Jabatan Penerangan
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



pengajar sekolah tersebut. Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada seramai 480 orang pelajar Tahun 7, 8 dan 9.

Taklimat antara lain bertujuan untuk menanamkan kesedaran di kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran sekolah berkenaan, Awang Kua Beng Joo.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCAI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM) bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Pengetua Sekolah, Timbalan-Timbalan Pengetua dan para tenaga



PENOLONG Pegawai Pembangunan Masyarakat, Dayang Siti Nur Izzahwiah binti Abdullah selaku Penolong Setiausaha 1 bagi Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi.



JERAYAWARA Kenali ASEAN yang diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (atas sekali dan atas).

ANTARA yang hadir pada Majlis Penyerahan Derma berkenaan.



Elak pembaziran makanan semasa bulan puasa

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

BULAN Ramadan merupakan bulan ibadah yang disambut penuh kesyukuran oleh umat Islam di seluruh dunia. Namun, tidak dinafikan antara kemerahan yang turut dinantikan ialah pembukaan Bazar Ramadan bagi mendapatkan pelbagai juadah menarik.

Dalam keadaan lapar berpuasa, sambil melihat pelbagai juadah yang dijual di bazaar ramadan, mata agak rambang untuk mencuba pelbagai juadah itu. Kadang-kadang, dalam kegairahan membeli makanan bersungkait itu, kita terlupa bahawa kita melakukan pembaziran. Perlu diingat, Allah Subhanahu Wata'ala sangat tidak menyukai perbuatan ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi turut menekankan mengenai mengelakkan pembaziran.

"Walaupun pemakanan dalam bulan puasa sering didapati pelbagai atau

beraneka, kita selaku umat Islam perlu mengelak pembaziran dan makan minum yang berlebih-lebihan dengan mengikuti kaedah yang dituntut dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu sukanan : sepertiga untuk makanan, sepertiga lagi untuk minuman dan sepertiga pula untuk bernafas. Jika badan sihat, semua aktiviti peribadatan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan kita dapat sama-sama meraih kelebihan pada bulan yang penuh keberkatan ini."

Pembaziran makanan semasa bulan puasa patut dibendung bukan sahaja di peringkat nasional bahkan juga individu sendiri. Ada beberapa tip yang boleh dilakukan untuk membendung pembaziran makanan.

Bagi mereka yang suka memasak juadah sendiri, kuantiti makanan yang dihasilkan itu patut diambil kira agar jumlah makanan itu mencukupi untuk seisi keluarga tanpa perlu berlebihan. Merancang menu masakan untuk seminggu dan menyenaraikan bahan-bahan dapur yang diperlukan terlebih dahulu sebelum membeli-belah juga boleh dipraktikkan.

Bagi mereka yang ingin membeli juadah di Gerai Ramadan, antara cara yang boleh dipraktikkan ialah menyenaraikan barang yang ingin dibeli pada hari tersebut dan

jangan terpengaruh dengan harga promosi. Jangan kerana kita tidak mahu ketinggalan harga promosi yang baik itu, kita berbelanja tanpa perancangan yang rapi. Selain itu, kita perlu memikirkan akan sisa makanan yang bakal dibuang nanti.

Lebihan makanan sebaiknya disimpan dengan baik malah boleh juga dibekukan dalam peti ais di dalam bekas yang ditutup rapat. Apabila sudah tiba masa untuk dimakan, kita boleh nyahbekukan makanan tersebut menggunakan ketuhar gelombang atau dimasak semula. Perlu diingatkan untuk memastikan makanan yang disimpan sudah disejukkan pada suhu bilik kerana wap boleh menyebabkan makanan menjadi basi.

Oleh itu, apabila menjelang Ramadan, sebaiknya pastikan peti ais dan peti sejuk adalah dalam keadaan suhu yang baik agar dapat membuat penyimpanan makanan bagi mengelakkan pembaziran.

Makanan lebihan pada waktu berbuka puasa juga boleh dimasak semula ataupun dimakan pada waktu sahur. Misalnya lebihan nasi boleh dijadikan nasi goreng, manakala lebihan ayam goreng atau ikan goreng boleh boleh dicarik-carik dan dimasukkan ke dalam nasi goreng mahupun ketika membuat mi goreng. Makanan lebihan yang dibekukan dengan cara yang betul juga masih elok

untuk dihidangkan sewaktu buka puasa pada hari yang lain.

Jika terdapat makanan yang belum disentuh, bolehlah disedekahkan ke masjid-masjid, pada jiran tetangga ataupun mereka yang memerlukan. Kita tidak tahu ada orang yang berbuka puasa dengan makanan ala kadar sahaja dan setentunya pemberian makanan yang beraneka akan menggembirakan si penerima. Bukan sahaja dapat mengurangkan pembaziran, malah kita telah melaksanakan amal jariah pada bulan Ramadan yang mulia.

Kita tidak mahu makanan yang sepatutnya menjadi santapan kita, berakhir menjadi sampah yang dibuang. Perlu diketahui sampah yang terdiri daripada sisa-sisa makanan termasuk bahan-bahan bungkusan makanan dan minuman, jika dibiarkan akan menyebabkan keadaan sekeliung berbau busuk dan juga seterusnya menarik tikus dan lalat yang mana merupakan pembawa penyakit.

Barang-barang yang dibuang itu juga selalunya terdiri daripada bekas-bekas yang boleh menakung air dan menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Oleh itu, sebaiknya sediakan juadah berbuka mahupun bersahur pada jumlah yang memadai untuk seisi keluarga agar ia dapat dihabiskan tanpa sisa.



PSB LANCARKAN 5 BUAH BUKU



PENGARAH Kebudayaan dan Kesenian, Haji Awang Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan semasa sesi bergambar ramai.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 dan sebagai usaha dalam memastikan rakyat dan penduduk di negara ini memahami kepentingan sejarah dalam pembangunan dan perkembangan negara serta bangsa, Pusat Sejarah Brunei (PSB) melancarkan sebanyak lima buah judul buku dan sebuah majalah pada Majlis Pelancaran Buku dan Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Esei dan Peraduan Ilustrasi Sejarah Brunei Tahun 2024-2025.

Majlis tersebut berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, PSB, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan ialah Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Haji Awang Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit.

Turut hadir, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Lima buah judul buku yang dilancarkan ialah Aspirasi Negara : Mahkota Bangsa (Jilid I); Kampung Ayer : Warisan Bangsa Brunei; Sultan-sultan Brunei; Sebuah Biografi Ringkas; Castillian War; Sultan Bolkiah (versi bahasa Inggeris) dan Majalah Wahana



penghargaan. Dayang Arabiatul Aqilah binti Awang Ahmad dengan tajuk esei 'The Impact of the Losses of Baram & Limbang on the Economy of Brunei, 1882-1904' menerima hadiah penghormatan pertama dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND800 serta sijil.

Peraduan Menulis Esei Sejarah Brunei Tahun 2024-2025 diungkayahkan oleh Bahagian Penerbitan dan Pemasaran, PSB sebagai platform bagi para pengkaji dan penyelidik sejarah menghasilkan penulisan esei sejarah yang berkualiti, pelbagai dan komprehensif.

Penganjuran peraduan ini adalah kesinambungan Bengkel Penulisan Esei Sejarah Brunei Tahun 2024 yang diadakan selama dua hari iaitu pada 24 dan 25 Julai 2024. Hasil penulisan peraduan yang bersesuaian dan berkualiti akan diterbitkan dalam Jurnal Darussalam terbitan pusat tersebut.

Sebanyak 17 buah esei daripada 16 peserta telah dinilai dan dihakimi oleh tiga orang hakim iaitu Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail; Dr. Nani Suryani binti Haji Abu Bakar dan Awang Haji Rosli bin Haji Ampal.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan buah esei diangkat sebagai antara esei terbaik untuk menerima tiga hadiah penghormatan dan lima hadiah

Dalam majlis yang sama turut diadakan Peraduan Ilustrasi Sejarah Brunei Tahun 2024-2025 yang dikendalikan oleh Bahagian Pameran dan Perkhidmatan, PSB dengan kerjasama Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (Kolej IGS).

Peraduan tersebut diadakan bertujuan untuk menarik minat belia dalam sejarah seni tanah air sambil mengasah dan menyerlahkan bakat kreatif mereka melalui ilustrasi digital.

Hasil karya daripada 10 peserta telah dinilai dan dihakimi oleh empat orang hakim iaitu Awang Ijjoji bin Nordin, Dayangku Hayatul Nazhirah binti Pengiran Haji Mohd. Rahimin, Awang Mohammad Hazwan bin Haji Kampong dan Awang Hairizul Hisham bin Haji A. Matali.

Tema bagi ilustrasi ialah 'Sejarah Pembentukan Negara

TETAMU khas semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima pada majlis tersebut.

PUISI

RAMADAN KAREEM

Assalamualaikum ku sampaikan salam,
Syapen ditulis di tengah malam,
Bulan Syaaban sudah tenggelam,
Kedatangan Ramadan menyeri alam.

Ramadan Mubarak baru bermula,
Bulan meraih segala pahala,
Kitani jauhi perbuatan mencela,
Kawal nafsu dari bermaharajalela.

Ramadan bulan amat suci,
Elak sifat benci membenci,
Mulut dipelihara jangan mencaci,
Bulan syaitan dirantai dikunci.

Bulan Ramadhan diwajibkan berpuasa,
Bagi yang sakit tidak dipaksa,
Sengaja ditinggalkan tentu berdosanya,
Nanti di akhirat balasannya seksa.

Puasa Rukun Islam yang ketiga,
Bangun bersahur kejutkan keluarga,
Amalkan bersedekah kepada tetangga,
Semoga amalan balasan syurga.

Bulan Ramadhan penuh berkah,
Pertingkatkan amalan banyakkan bersedekah,
Jaga mulut elakkan bertelingkah,
Bila bersungkai jangan serakah.

Ramadan ujian melatih diri,
Kurangkan meminta banyakkan memberi,
Menjauhi dari bersifat iri,
Sifat insan pintar jauhari.

Ramadan gandakan bacaan Al-Quran,
Secara halakah sangat disaran,
Ajak keluarga, kawan dan jiran,
Bersama kitani meraih ganjaran.

Bila Ramadhan sudah menjelma,
Ke rumah penghulu mengambil kurma,
Semua diberi secara percuma,
Kurnia Sultan semua menerima.

Berpuasa bukan menjamu juadah,
Harus dijaga mulut dan lidah,
Tumpukan amalan perbaiki ibadah,
Ganjaran pasti setentunya indah.

Bulan Ramadhan penuh hikmat,
Kurnia Allah segala nikmat
Di awal bulan merupakan rahmat,
Mulakan ia dengan berhemat.

Ramadan mengajar kitani bersabar,
Berbagai ujian nafsu tercabar,
Bermacam peristiwa menjadi iktilar,
Nuzul Al-Quran paling muktabar.

Akhir kalam ku mohon diri,
Memohon keampunan sepuluh jari,
Mudahan kehidupan tambah berseri,
Bagaikan pagi disinar mentari.

Nadi©
Ahad
Ramadan pertama Hijrah 1446
Mac ke 2 Masihi 2025

Brunei Darussalam Sebagai Sebuah Negara Merdeka'. Sebanyak lima buah ilustrasi terbaik diangkat untuk menerima tiga hadiah penghormatan dan dua hadiah penghargaan.

Dayang Nuraiman Nabilah binti Mohammad Yaakub menerima hadiah penghormatan pertama dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND850 serta sijil.

Seterusnya, Dayang Anis Syifa'a Syamimi binti Asri menerima hadiah penghormatan kedua dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND650 serta sijil.

Manakala Dayang Durratul Zarifah Azyyati binti Haji Raduan menerima hadiah penghormatan ketiga dengan membawa pulang

hadiah wang tunai sebanyak BND550 serta sijil.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat mendapatkan buku dan majalah yang baru dilancarkan bolehlah berkunjung ke Kedai Buku PSB dengan potongan harga sebanyak 20 peratus. Manakala potongan harga sehingga 80 peratus juga ditawarkan bagi semua buku dan majalah di Kedai Buku PSB. Tawaran terhad untuk tiga hari sahaja iaitu bermula hari Rabu, Khamis dan Sabtu (5, 6 dan 8 Mac 2025).

Waktu operasi Kedai Buku PSB ialah hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang. Manakala pada bulan Ramadan dari pukul 8.15 pagi hingga 1.45 petang.



ROUNDUP : SPACEX KEHILANGAN KAPAL ANGKASA STARSHIP DALAM UJIAN PENERBANGAN KE-8

LOS ANGELES, Mac 7. - SpaceX melancarkan ujian penerbangan ke-8 roket gergasi Starship pada Khamis lalu tetapi kehilangan perhubungan dengan kapal angkasa sejurus selepas pelancaran.

Starship berlepas dari kemudahan Starbase milik syarikat itu berhampiran Brownsville di Texas, AS pada kira-kira jam 5.30 petang waktu tengah (2330 GMT).

Kira-kira tujuh minit selepas pelancaran, pendorong Super Heavy roket itu berjaya kembali ke tapak pelancaran untuk tangkapan *chopsticks* -- menangkap 'booster returning' yang kembali menggunakan *chopsticks* mekanikal yang dipanggil 'Mechazilla', di menara pelancaran, menurut siaran langsung.

Tetapi kapal angkasa Starship kehilangan kawalan ketinggian dan komunikasi dengan pihak darat.

"Semasa pembakaran naik Starship, kenderaan itu mengalami kerosakan yang tidak berjadual yang cepat dan hubungan terputus," kata SpaceX di X.

"Pasukan kami segera memulakan penyelarasan dengan pegawai keselamatan untuk melaksanakan tindak balas luar jangka yang telah dirancang," kata syarikat itu.

SpaceX berkata ia akan mengkaji data daripada ujian penerbangan untuk lebih memahami punca kejadian, sambil menambah bahawa penerbangan pada Khamis akan memberikan pelajaran tambahan untuk meningkatkan kebolehpercayaan Starship.

Menurut SpaceX, objektif ujian penerbangan kelapan termasuk pelancaran muatan pertama Starship, beberapa eksperimen kemasukan semula yang

menjurus ke arah mengembalikan peringkat atas ke tapak pelancaran untuk tangkapan, dan pelancaran, pemulihan dan tangkapan pendorong Super Heavy.

Dengan kerosakan pada kapal angkasa, satu-satunya objektif yang dicapai ialah pelancaran dan menangkap pendorong Super Heavy di darat.

Ujian penerbangan pada asalnya dijadualkan pada hari Isnin, tetapi telah dibatalkan pada T-40 saat kerana masalah teknikal.

Kapal angkasa Starship dan roket Super Heavy SpaceX, secara kolektif dirujuk sebagai Starship, mewakili sistem pengangkutan boleh guna semula sepenuhnya yang direka untuk membawa kedua-dua anak kapal dan kargo ke orbit bumi, bulan, Marikh dan seterusnya.

Starship memainkan peranan



FOTO yang dikeluarkan oleh SpaceX pada 6 Jun 2024 menunjukkan roket Starship meluncur dari Starbase di Texas, Amerika Syarikat.

penting dalam NASA. Ia adalah mereka ke bulan semasa misi kenderaan yang dipilih NASA yang dipanggil Artemis III, yang untuk membawa angkasawan kini dirancang untuk 2026. - ©XINHUA

Haba matahari mungkin mempengaruhi aktiviti gempa bumi - kajian

ISTANBUL, 5 Mac. - Haba daripada matahari mungkin memainkan peranan dalam aktiviti gempa bumi di Bumi, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik kajian baharu yang diterbitkan pada Selasa dalam jurnal sains Chaos.

Penyelidik dari Universiti Tsukuba Jepun dan Institut Sains dan Teknologi Perindustrian Lanjutan Kebangsaan mendapati, haba matahari mencetuskan perubahan dalam suhu atmosfera, yang boleh mempengaruhi sifat batuan dan pergerakan air bawah tanah.

Turun naik sedemikian, sebagai contoh, boleh menjadikan batuan lebih rapuh dan terdedah kepada keretakan, manakala perubahan dalam hujan dan pencairan salji boleh mengubah tekanan pada sempadan plat tektonik, kata pengarang Matheus Henrique Junqueira Saldanha.

"Walaupun semua faktor ini mungkin bukan pemicu utama gempa bumi, ia masih boleh memainkan peranan yang boleh membantu meramalkan aktiviti seismik," kata Saldanha.

Penyelidik menggunakan model matematik pada data gempa bumi, aktiviti matahari dan suhu permukaan, menemui fakta yang menggabungkan suhu permukaan dapat meningkatkan ketepatan ramalan, terutamanya untuk gempa bumi cedek.

"Itu masuk akal kerana haba dan air kebanyakannya mempengaruhi lapisan atas kerak bumi," kata Saldanha.

"Ia adalah sesuatu yang menarik dan kami berharap kajian kami memberi sedikit pencerahan tentang gambaran yang lebih besar tentang apa yang mencetuskan gempa bumi," kata Saldanha. - ©BERNAMA

US\$30 juta wang tunai hilang diserahkan kepada polis Tokyo pada 2024

TOKYO, 5 Mac. - Polis Tokyo merekodkan penyerahan wang tunai yang hilang berjumlah 4.49 bilion yen (US\$30 juta) sepanjang 2024, meningkat 1.8 peratus berbanding tahun sebelumnya didorong oleh lonjakan kemasukan pelancong asing dan peningkatan aktiviti orang ramai selepas sekatan COVID-19 ditarik balik.

Jabatan Polis Metropolitan Tokyo mendedahkan jumlah wang tunai tertinggi yang diserahkan dalam satu kejadian bernilai 11.6 juta yen, lapor Agensi Berita Kyodo.

Daripada jumlah keseluruhan, kira-kira 3.2 bilion yen dikembalikan kepada pemilik asal, manakala sekitar 570 juta yen diserahkan semula kepada individu yang menjumpai wang berkenaan.

Sementara itu, kira-kira 660 juta yen menjadi pendapatan kepada kerajaan metropolitan, menurut jabatan itu.

Selain itu, sebanyak 4.4 juta barang hilang diserahkan kepada polis, meningkat 7.8 peratus berbanding tahun sebelumnya dan turut mencatatkan rekod tertinggi.

Antara barang itu termasuk lesen memandu serta dokumen pengenalan diri, selain peningkatan ketara membabitkan peranti elektronik termasuk fon telinga dan rokok elektronik, menurut polis. - ©BERNAMA

India tegaskan tiada kepentingan untuk lemahkan dolar AS

NEW DELHI, 6 Mac. - India menegaskan bahawa negara itu tidak mempunyai sebarang kepentingan untuk melemahkan dominasi antarabangsa dolar Amerika, susulan amaran berulang kali Presiden Donald Trump kepada kumpulan BRICS agar tidak mewujudkan mata wang bersama.

"Kami sama sekali tidak berminat untuk melemahkan dolar," kata Menteri Hal Ehwal Luar India, Subrahmanyam Jaishankar ketika sesi interaksi di badan pemikir hal ehwal luar, Chatham House di London pada Rabu.

Beliau menegaskan bahawa India bersikap realistik terhadap peranan global dolar AS.

"Kami tidak pernah mempunyai masalah dengan dolar. Hubungan kami dengan AS berada pada tahap terbaik dalam sejarah," katanya.

BRICS, akronim bagi Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan, kini mempunyai 10 anggota selepas pengembangannya pada 2023, mewakili gabungan ekonomi selain Barat yang kukuh serta memiliki populasi yang besar.

Beberapa anggota BRICS pernah menyuarakan minat terhadap idea mata wang bersama, memandangkan kumpulan itu sering dilihat sebagai pengimbang kepada dominasi Barat dalam landskap dunia yang semakin multipolar.

Pada 13 Februari lalu, Trump mengancam untuk mengenakan penalti terhadap anggota BRICS jika mereka mahu bermain dengan mata wang AS.

"Jika terdapat sebarang perdagangan yang menggunakan mata wang lain, ia akan dikenakan tarif 100 peratus, sekurang-

kurangnya," kata Trump.

Jaishankar menyifatkan dolar AS sebagai sumber kestabilan ekonomi antarabangsa sambil menegaskan bahawa India tidak mempunyai sebarang dasar untuk menggantikan dolar.

"Anggapan bahawa terdapat pendirian bersama BRICS menentang dolar tidak berasas," katanya.

Sementara itu, India giat memperkuuh profil rupee dalam beberapa tahun kebelakangan ini dengan menggalakkan penggunaan mata wang negara itu bagi penyelesaian perdagangan dengan pelbagai negara termasuk Rusia, Emiriah Arab Bersatu, Qatar dan Malaysia.

Jaishankar berkata usaha mempromosikan pengantarabangsaan rupee adalah sebahagian daripada globalisasi India. - ©BERNAMA

Brisbane siap sedia hadapi Siklon Alfred, penerbangan digantung sementara

SYDNEY, 6 Mac. - Beberapa syarikat penerbangan utama Australia mengantung operasi di Brisbane pada Khamis susulan siklon tropika Alfred yang dijangka melanda negeri Queensland, lapor Xinhua.

Menurut kemas kini terkini daripada Biro Meteorologi Australia (BoM), pergerakan Siklon Alfred ke tenggara Queensland semakin perlakan, menyebabkan ramalan cuaca diubah kepada awal pagi Sabtu berbanding ramalan awal pada Khamis malam atau pagi Jumaat.

Virgin Australia memaklumkan bahawa semua penerbangan keluar dari Brisbane akan dihentikan mulai 4 petang waktu tempatan pada Khamis.

Qantas dan Jetstar turut mengumumkan bahawa mereka

akan menghentikan perkhidmatan menjelang petang hari yang sama. Penumpang dinasihatkan untuk menyemak butiran penerbangan terkini.

Lapangan Terbang Brisbane akan kekal beroperasi selagi keadaan masih selamat, selain bersiap sedia memberi bantuan kepada Angkatan Pertahanan Australia dan pihak berkuasa kesihatan dalam situasi kecemasan, menurut kenyataan lapangan terbang.

Sementara itu, Lapangan Terbang Gold Coast di selatan Queensland telah ditutup sejak petang Rabu, manakala Lapangan Terbang Sunshine Coast masih beroperasi seperti biasa.

Beberapa pasar raya utama di kawasan yang dijangka terjejas telah memendekkan waktu

operasi, dengan sebahagiannya ditutup lebih awal pada petang Khamis sebagai langkah berjaga-jaga.

Menurut laporan Australian Broadcasting Corporation (ABC), Perdana Menteri Queensland David Crisafulli berkata jalan raya dan jambatan akan terus dibuka bagi membolehkan pergerakan penting.

Perkhidmatan pengangkutan awam pula digantung pada Khamis dan Jumaat, dengan maklumat lanjut akan diumumkan kemudian.

Ramalan cuaca menjangkakan hujan lebat dengan jumlah taburan antara 200 hingga 400 milimeter (mm), dan jumlah keseluruhan berpotensi melebihi 800mm sepanjang tempoh itu. - ©BERNAMA

Kekal aktif di bulan Ramadan



ALHAMDU LILLAH, kita ditemukan lagi dengan Abulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan dan kerahmatan ini. Kita haruslah bersyukur kerana dipertemukan lagi bulan yang mulia dan penuh pahala berlipat ganda ini. Bulan Ramadan merupakan bulan di mana umat Islam berpuasa yang bermaksud menahan diri daripada makan, minum dan hal-hal yang membatalkan puasa bermula dari Subuh hingga matahari terbenam



iaitu ketika Azan Maghrib berkumandang.

Bulan Ramadan juga adalah masa apabila umat Islam untuk bermuhasabah diri, meningkatkan amalan dengan rajin bersebanyak, melakukan kebajikan dan meluangkan masa dengan keluarga serta sahabat handai melakukan aktiviti bermanfaat. Dengan berpuasa ini juga, seseorang itu dapat memperbaiki diri dari segi disiplin serta menjadi pemurah seperti membantu mereka yang memerlukan.

Itulah keistimewaan bulan Ramadan yang mana umat Islam berpeluang untuk melipatgandakan pahala dengan menjalankan aktiviti kebajikan,

perkara-perkara sunat yang bertujuan untuk meningkatkan ketakwaan dan keimanan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Meskipun berdepan dengan cabaran berlapar dan dahaga pada siang hari, ini tidak menghalang kita untuk kekal aktif dengan melakukan aktiviti fizikal dan riadah yang bersesuaian semasa bulan Ramadan. Ini adalah bertujuan untuk menjaga tahap kesihatan dan fizikal kita walaupun berpuasa pada siang hari.

Melakukan senaman atau kegiatan fizikal boleh membantu mengekalkan berat badan, mengurangkan risiko penyakit kronik tidak berjangkit.

Semasa bulan Ramadan sebenarnya tidak menghalang kita untuk melakukan riadah kerana agama Islam tidak melarang untuk melakukan riadah atau bersukan semasa berpuasa malah mendapat manfaat yang sama seperti hari biasa.



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Jabatan Penerangan

Tidak ada alasan untuk kita tidak kekal aktif dan cergas sewaktu menjalankan ibadah puasa. Apa yang penting adalah kaedah dan cara itu perlu dititikberatkan agar ia tidak membawa kesan negatif terhadap tahap kesihatan badan. Namun, dengan perancangan yang tepat, kita masih berupaya menjaga kesihatan tubuh tanpa mengganggu ibadah puasa.

Untuk terus kekal aktif, ada beberapa waktu yang sesuai untuk menjalankan aktiviti riadah iaitu sebelum bersahur, selepas berbuka puasa dan selepas Solat Tarawih.

Pada waktu sebelum sahur, kita digalakkan untuk melakukan aktiviti ringan seperti peregangan atau jalan santai dan apa sahaja aktiviti fizikal yang mudah mengikut kemampuan diri kita. Manakala, aktiviti yang disarankan selepas berbuka ialah seperti berlari atau melakukan senaman di gimnasium dan sebagainya kerana tubuh kita

sudah mempunyai energi untuk melakukan aktiviti yang lebih berat tetapi perlu berpada-pada.

Manakala pada waktu tengah malam atau selepas Solat Tarawih juga merupakan waktu yang ideal untuk melakukan aktiviti riadah seperti berlari di kawasan rumah atau melakukan kardio. Aktiviti-aktiviti seumpama ini boleh dilakukan di rumah sahaja.

Dalam pada itu, adalah penting juga untuk kita untuk meminum air secukupnya semasa bersahur dan berbuka puasa untuk mengelakkan dehidrasi, mengambil makanan kaya protein dan serat untuk tenaga berpanjangan selain tidak meminum minuman berkafein yang boleh menyebabkan kehilangan air berlebihan di dalam badan.

Oleh itu, lemah dan dahaga bukan menjadi alasan untuk kita terus melakukan aktiviti riadah asalkan ia berpada-pada dan mengikut kermampuan diri sendiri. Jangan terlalu memaksa untuk melakukan aktiviti fizikal yang sudah setentunya mendatangkan kemudaratannya kepada tubuh kita.



ePaper Pelita Brunei



PUASA BUKAN HALANGAN LAKUKAN KEGIATAN FIZIKAL



DAYANG Nur Farazida Abdullah dari Kampung Selayun (kiri sekali) bersama rakan-rakan semasa sesi bergambar ramai (atas). Manakala gambar bawah, Awang Zainal Azim bin Haji Zainal Abidin dari Kampung Perpindahan Lambak Kanan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Ihsan Siti Nur Amirah Zaini, Nur Farazida Abdullah, Rosdiman, Haji Dyn, Zainal Azim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Mac. - Membuat aktiviti fizikal atau senaman pada bulan Ramadan sememangnya boleh dilakukan, namun ia memerlukan sedikit perancangan dan penyesuaian. Puasa sebenarnya bukan menjadi penghalang untuk kita tidak bersenam. Walaupun berpuasa, senaman juga penting untuk kita menjaga kecergasan badan.

Senaman sepanjang Ramadan bukan sesuatu yang diwajibkan tetapi digalakkkan. Namun, ia bergantung kepada ketahanan fizikal seseorang individu, jenis senaman dan masa melukannya.

Bagi Dayang Siti Nur Amirah binti Zaini dari Kampung Subok, beliau yang lebih gemar melakukan aktiviti sukan berlari akan mengekalkan aktiviti sukan semasa bulan Ramadan iaitu selepas selesai mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih.

Pada kebiasaanannya, beliau berlari selepas waktu bekerja pada pukul 4.30 petang dan kadangkala pada waktu pagi jika tidak berkesempatan melukannya pada waktu petang, iaitu di kawasan Padang Belapan dan stadium bersama rakan-rakan sepasukannya dikenali sebagai FBSS.

"Kita perlu bersukan pada bulan Ramadan kerana ia boleh mengurangkan berat badan dan menghindari daripada penyakit seperti kencing manis, obesiti dan sebagainya.

"Nasihat dan saranan kepada orang ramai dan rakan-rakan saya adalah supaya akan dapat menjaga kesihatan tubuh badan kitani



luar dan dalam dan berhati-hati di mana saja membuat aktiviti-aktiviti sukan," ujarnya.

Dayang Nur Farazida Abdullah dari Kampung Selayun pula menyatakan bahawa bersukan juga adalah satu ibadah.

"Dengan mengekalkan kesihatan dan fitness sewaktu Ramadan, di samping menjaga pemakanan kitani sewaktu bersungkai, akan menjadikan kitani menjadi individu yang sentiasa bertenaga dan bersemangat untuk berpuasa dan beribadah. Manfaatkanlah bulan Ramadan dengan sebaik-baiknya," ujarnya yang suka melakukan aktiviti berlari dan juga di gimnasium sama ada secara berseorang, bersama rakan-rakan ataupun bersama adik-beradik beliau.

Jelasnya lagi, bersukan adalah untuk kesihatan serta mengekalkan tahap kecergasan dan stamina, terutamanya untuk individu yang akan mengikuti mana-mana pertandingan atau acara larian selepas bulan Ramadan.

Sementara itu, bagi Awang Rosdiman dari Kampung Lambak Kanan, Ramadan merupakan peluang mendidik diri untuk disiplin pada jadual harian.

"Bagi saya, tubuh badan kita adalah amanah dan pinjaman, oleh itu kita harus menjaganya



AWANG Haji Dyn dari RPN Kampung Rimba, Gadong.

dengan baik. Selain bersedekah harta, tenaga juga boleh jadi sumber sedekah. Oleh itu, kita perlu menjaga kesihatan agar terus dapat bersedekah," ujarnya yang memilih aktiviti melibatkan pembinaan otot rangka dan jantung seperti berlari dan mengangkat beban.

Semasa bulan Ramadan, beliau juga akan melakukan senaman selepas Sembahyang Sunat Tarawih, manakala pada kebiasaananya, beliau melakukan senaman sama ada pada waktu pagi sebelum bekerja ataupun petang selepas bekerja dan kadang kala malam jika perlu.

"Meneruskan bersukan dalam bulan Ramadan adalah perlu untuk memastikan bahawa prestasi atau performance seseorang adalah sentiasa dalam tahap yang baik, tidak menurun secara berlebihan.

"Jadual aktiviti harus diselaraskan dengan waktu-waktu bulan Ramadan. Aktiviti-aktiviti siang dikurangkan dengan effort yang sedikit rendah dan digantikan dengan aktiviti-aktiviti tersebut dibuat pada waktu malam," ujar Awang Haji Dyn dari RPN Kampung Rimba, Gadong.

Beliau yang memilih aktiviti larian Trail dan Road, masih meneruskan aktiviti sukannya pada bulan Ramadan namun dibuat dengan effort yang sedikit rendah 90 peratus daripada biasa. Menurutnya, aktiviti Heat Training dan aktiviti yang memerlukan effort tinggi daripada biasa adalah harus dijadikan.

Walau bagaimanapun jelasnya, aktiviti Core, Strength, Flexibility adalah perlu dan boleh membantu dalam memastikan prestasi seseorang dan ia mudah dilakukan di rumah.

Sementara itu, bagi Awang Zainal Azim bin Haji Zainal Abidin dari Kampung Perpindahan Lambak Kanan, walaupun berpuasa adalah salah satu cara untuk menurunkan berat badan tetapi aktiviti bersukan juga penting dalam mengekalkan kesihatan jantung dan juga otot. Aktiviti kardio tambahnya boleh

DAYANG Siti Nur Amirah binti Zaini dari Kampung Subok.

dilakukan pada waktu malam selepas Sembahyang Tarawih walaupun hanya 30 minit.

Beliau yang minat dalam aktiviti trail running atau larian denai turut mengongsikan, semasa bulan Ramadan memang mencabar untuk melakukan riadah sukan di dalam hutan kerana berpuasa pada siang hari.

"Jika melakukan riadah larian denai di siang hari mestilah dengan intensiti yang rendah atau mudah sahaja. Kami juga ada membuat larian denai / hike pada waktu malam secara berkumpulan.

"Biasanya di waktu malam selepas Sembahyang Sunat Tarawih jika aktiviti yang panjang atau intensiti yang tinggi dan jika intensiti yang rendah atau mudah, kami juga membuat larian denai pada waktu petang sebelum berbuka puasa," tambahnya yang sering melakukan aktiviti berkenaan secara berkumpulan bersama rakan-rakan beliau 'Larian Tanpa Batas', sebuah kumpulan komuniti larian yang fokus dalam aktiviti larian di jalan.

Sebagai kesimpulannya, sama ada mahu bersenam atau tidak semasa bulan Ramadan, ia adalah pilihan masing-masing. Setiap individu adalah berbeza, justeru kita perlu tahu reaksi badan sendiri dan sesuaikan aktiviti untuk memenuhi keperluan dan keutamaan masing-masing.

Perlu diingat, keseimbangan antara aktiviti fizikal, ibadah, pemakanan, dan rehat hendaklah diberi perhatian. Dengan perancangan yang baik, bersenam semasa bulan puasa boleh memberi manfaat untuk menjaga kecergasan fizikal tanpa mengganggu ibadah puasa.



AWANG Rosdiman dari Kampung Lambak Kanan.

Tahukah Awda

BANGUNAN Pasar Pelbagai Barang Gadong mempunyai keluasan 5,979.00 meter persegi dan 64,290.00 kaki persegi mula dibina pada 9 November 2016 dan siap pada 23 Disember 2016. Sebanyak 150 petak disediakan mengikut kategori iaitu salai-menyalai sebanyak 16 petak, masak-memasak 81 petak manakala sebanyak 39 petak bagi kategori sayur dan buah. Bangunan Surau baharu yang berada bersebelahan dengan Pasar Pelbagai Barang Gadong boleh memuatkan kira-kira 40 orang jemaah, di samping penyediaan tandas lelaki dan perempuan dan tempat berwuduk.

SUMBER : Pelita Brunei.